

CABARAN INSTITUSI BERAJA DI MALAYSIA DARI DAHULU HINGGA KINI

Abdullah Zakaria bin Ghazali
Felo Persatuan Sejarah Malaysia

Pendahuluan

Sejak pengasasan Kerajaan Kedah pada 630, dan diikuti kerajaan Melaka pada tahun 1262, Institusi Raja Melayu sudah berusia 1389 bagi Kedah, dan Melaka berusia 757 tahun. Sepanjang tempoh ini, institusi Raja Melayu mengalami berbagai pengalaman dan cabaran dari dalam dan luar. Namun yang jelas dan nyata, institusi ini masih kekal hingga hari ini, dan dirujuk sebagai Raja Berpelembagaan.

Sembilan Raja Melayu

Kesultanan atau Raja-raja Melayu adalah satu institusi yang telah ribuan tahun bertapak di bumi Malaysia. Walaupun kerajaan Kedah telah lama wujud, lebih awal daripada kerajaan Melaka, namun pengaruh mendalam dalam kesultanan di Tanah Melayu adalah daripada Kesultanan Melaka. Sebelum kedatangan dan penglibatan kuasa barat dalam negeri-negeri Melayu, Raja atau Sultan atau Yang Dipertuan Negeri menjadi tonggak pemerintahan dalam masing-masing negeri di Tanah Melayu. Pada pandangan masyarakat Melayu yang selalu dirujuk sebagai rakyat, Raja atau Yang Dipertuan atau Sultan adalah pemerintah negeri mereka, dan mempunyai kedaulatan. Apabila daulat disentuh, peneliti akan terus mengaitkannya dengan perjanjian di antara Demang Lebar Daun dengan Sang Sapurba. *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu*, sebutah naskah klasik Melayu mencatatkan perjanjian tersebut seperti berikut:

...segala anak cucu patik [Demang Lebar Daun] sedia akan jadi hamba ke bawah Duli Yang Dipertuan [Sang Sapurba]; hendaklah ia diperbaiki oleh anak cucu duli Tuanku. Dan jika ia berdosa, sebesar-besar dosanya pun, jangan difadhiatkan, dinista degan kata-kata yang jahat; jikalau besar dosanya dibunuh; itupun jikalau berlaku pada hukum Syarak.¹

Segala permohonan Demang Lebar Daun itu diperkenan Sang Sapurba. Dalam pada itu Sang Sapurba juga menyatakan permohonan, dan dicatatkan *Sulalatus Salatin* seperti berikut:

Hendaklah pada akhir zaman kelak anak cucu bapa hamba [Demang Lebar Daun] jangan durhaka pada anak cucu kita [Sang Sapurba], jikalau ia zalim dan jahat pekerti sekalian.²

Kedua-duanya berteguh janji, dan Demang Lebar Daun menyambung lagi, "...jikalau anak buah Tuanku [Sang Sapurba] dahulu mengubah dia, maka anak cucu patik pun mengubah". Selain itu kedua-dua bersumpah tidak akan memungkiri janji tersebut. Seterusnya *Sulalatus Salatin* menambah lagi, jika sekiranya mereka mungkir, bumbung rumah mereka akan dibalikkan ke atas dan tiangnya ke bawah. Dalam hal ini *Sulalatus Salatin* mencatatkan:

...dianugerahkan Allah subhanahu wataala pada segala raja-raja Melayu, tidak pernah memberi aib pada segala hamba Melayu; jikalau sebagaimana sekalipun besar dosanya, tiada diikat dan digantung dan difadhiatkan dengan kata-kata

yang jahat. Jikalau ada seorang raja memberi aib seorang hamba Melayu, alamat negerinya akan binasa. Syahdan, segala anak Melayu pun dianugerahkan Allah subhanahu wataala tiada pernah durhaka dan memaling muka pada rajanya jikalau jahat pekerti sekalipun serta anianya.³

Sejak pengasasan kerajaan Melaka pada tahun 1262, kerajaan Melaka oleh Raja Iskandar Shah (juga dirujuk sebagai Parameswara), kerajaan Melaka berkembang. Pengganti baginda, memeluk agama Islam bergelar Sultan Muhammad. Agama Islam muncul sebagai agama kerajaan Melaka ketika pemerintahan Sultan Muhammad. Seterusnya berkembang ketika pemerintahan putera baginda, Sultan Muzaffar Shah; dan berikutnya ketika pemerintahan Sultan Mansur Shah, Sultan Alauddin Riayat Shah, dan awal pemerintahan Sultan Mahmud Shah.

Keagungan kerajaan Melayu berpusat di Melaka berakhir, apabila pusat kerajaan Melaka ditawan dan diduduki Portugis di bawah pimpinan Alfonso de Albuquerque pada tahun 1511. Pusat kerajaan Melaka berpindah ke Kota Kara dan Kota Kopah, Pulau Bintan. Apabila Kota Kara dan Kota Kopah dikalahkan, Sultan Mahmud berpindah di Kampar. Baginda meneruskan kerajaan Melaka dari sini sehingga mangkat pada 1528. Sultan Mahmud dimakamkan di Kampar, dan dikenali sebagai Marhum Kampar.

Kemangkatan Sultan Mahmud berakhirlah kerajaan Melaka. Putera baginda dengan Tun Fatimah binti Bendahara Tun Mutahir, bernama Raja Ali mengasaskan kerajaan Johor pada tahun 1528. Raja Ali, bergelar Sultan Alauddin Riayat Shah meneruskan keturunan Melaka di Johor. Sementara itu kekanda Sultan Alauddin Riayat Shah, bernama Raja Muzaffar, putera Sultan Mahmud dengan Onang Kening, puteri Sultan Mansur Kelantan dibawa ke Perak oleh Tun Shaban pada tahun 1528, ditabalkan di Tanah Abang sebagai Sultan Perak, bergelar Sultan Muzaffaar Shah. Ketika ini Sultan Pahang, keturunan Sultan Muhammad ibni Sultan Mansur Melaka meneruskan pemerintahan di atas takhta kerajaan Pahang. Begitu juga Kedah, raja yang bertakhta adalah keturunan Maharaja Derbar Raja yang berasal dari Parsi.

Portugis yang menduduki Melaka seringkali mengancam kerajaan Johor. Walaupun kerajaan Johor diserang, dan kadangkala pusat kerajaan dimusnah Portugis, tetapi instiusi raja terus kekal. Dalam pada itu kerajaan Johor juga mendapat cabaran daripada kerajaan Aceh yang muncul di Utara Sumatera, khususnya ketika pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (baginda mangkat 1636). Ancaman Portugis terhadap kerajaan Johor berakhir apabila Johor menandatangani perjanjian dengan Belanda pada tahun 1603. Belanda menjadi pengimbang kuasa di antara Johor dengan Portugis. Namun begitu Aceh melancarkan serangan terhadap Johor pada tahun 1613, 1615 dan 1623. Dalam serangan 1613, Aceh menawan Sultan Alauddin Johor, Bendahara Tun Seri Lanang, Raja Seberang dan ramai rakyat Johor dibawa ke Aceh. Sultan Alauddin Riayat Shah, Tun Seri Lanang dan Raja Seberang dibenarkan pulang. Namun begitu apabila Sultan Alauddin Riayat Shah II berkerjasama dengan Portugis melantik putera baginda, Raja Bujang sebagai Sultan Pahang, menggantikan Sultan Abdul Ghafur Pahang pada 1615, Aceh sekali lagi menyerang Johor.

Sultan Alauddin Riayat Shah II, Tun Seri Lanang dan Raja Seberang sekali lagi ditawan dan dibawa ke Aceh. Dikisahkan Sultan Alauddin Riayat Shah II dibunuh di Aceh; Tun Seri Lanang tinggal di Aceh. Manakala Raja Seberang dibenarkan pulang memerintah Johor, bergelar Sultan Abdullah Mughayat Shah (1615-1623). Aceh juga melancarkan serangan terhadap Kedah dan Perak. Pada 1618, Aceh yang tidak berpuas hati dengan Sultan Pahang

yang dilantik dengan kerjasama Portugis melancarkan serangan terhadap Pahang. Raja Bujang berundur ke Pulau Lingga (Pulau Daik). Aceh menawan Raja Ahmad dan puteranya, Raja Mughal serta Puteri Kamaliah. Raja Mughal dikahwinkan dengan Tajul Alam, puteri Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Manakala Puteri Kamaliah berkahwin dengan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam.

Ketika Raja Bujang bersemayam di Pulau Lingga, Sultan Abdullah Mughayat Shah berundur ke Pulau Lingga. Sultan Abdullah Mughayat bertindak demikian kerana bimbang akan diserang Aceh kerana baginda menceraikan isteri, keluarga Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Kebimbangan menjadi kenyataan, pada tahun 1623, Aceh menyerang Sultan Abdullah Mughayat Shah dan Raja Bujang di Pulau Lingga. Sultan Abdullah Mughayat Shah berundur ke Pulau Tembelan, dan mangkat di sini. Baginda dikenali sebagai Marhum Pulau Tembelan. Dengan itu Raja Bujang, Sultan Pahang direstui Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam sebagai Sultan Johor menggantikan Sultan Abdullah Mughayat Shah. Baginda memakai gelaran Sultan Abdul Jalil Shah (1623-1677). Putera Sultan Abdullah Mughayat Shah bernama Raja Bajau dilantik sebagai Raja Muda. Perlantikan Raja Bujang sebagai Sultan Johor ini bermakna di Pahang tidak ada sultan lagi. Sultan Abdul Shah III ini adalah Sultan Johor dan juga Sultan bagi Pahang. Juga kini bermakna keturunan kesultanan Melaka yang menduduki takhta kerajaan, Perak dan Johor.

Pada tahun 1673, kerajaan Johor mendapat cabaran daripada Jambi. Jambi menyerang dan mengalahkan Johor. Sultan Abdul Shah III berundur dan bersemayam di Pahang. Pada ketika ini Raja Muda Bajau bersemayam di Pahang. Sebelum berundur ke Pahang, Sultan Abdul Jalil Shah menitahkan Laksamana Tun Abdul Jamil menebus kekalahan dengan Jambi itu. Laksamana Tun Abdul Jamil membina penempatan di Sungai Charang, Riau. Ketika beliau mengumpul kekuatan Johor, Raja Bajau mangkat. Kemudiannya pada tahun 1677 Sultan Abdul Jalil Shah III pula mangkat. Dengan itu takhta kerajaan Johor digantikan oleh Raja Ibrahim, putera Raja Bajau, bergelar Sultan Ibrahim Shah (1677-1685).

Pada tahun 1679, ketika pemerintahan Sultan Ibrahim, Laksamana Tun Abdul Jamil melancarkan serangan dan berjaya mengalahkan Jambi. Kejayaan cemerlang dicapai angkatan Johor di bawah pimpinan Laksamana Tun Abdul Jamil telah memulihkan kembali maruah dan kedaulatan Johor. Berikutan kejayaan ini, Sultan Ibrahim menganugerahkan gelaran Paduka Raja kepada Laksamana Tun Abdul Jamil. Padahal dalam kesultanan Melayu gelaran Paduka Raja ini hanya dipakai oleh bendahara. Pada tahun 1685, Sultan Ibrahim mangkat, dan takhta kerajaan Johor digantikan putera baginda, Sultan Mahmud (1685-1699). Sultan Mahmud dibunuh oleh Megat Seri Rama (dikenali juga sebagai Laksamana Bintan). Dengan alasan baginda tidak mempunyai zuriat, Bendahara Tun Abdul Jalil ditabalkan sebagai Sultan Johor, bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah (1699-1718), memulai dinasti bendahara di Johor. Apa lebih penting dalam peristiwa pembunuhan ini ialah berakhirnya Sultan keturunan Melaka memerintah Johor. Dengan lain perkataan keturunan Melaka yang masih bertakhta hanyalah di Perak.

Kira-kira 19 kemudian, pada tahun 1719, Raja Kechil, putera Sultan Mahmud Johor dengan Che Pong yang disokong Orang Laut dan jumlah tertentu penduduk Johor melancarkan serangan dan menawan Johor.⁴ Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV diturunkan kembali ke jawatan lama sebagai Bendahara Johor. Raja Kechil menduduki takhta kerajaan Johor, bergelar Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah, meneruskan kembalik sultan keturunan Melaka di Johor. Namun begitu pada tahun 1722, Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah diturunkan takhta oleh Raja Sulaiman, putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Raja Sulaiman yang mendapat bantuan

Opu Bugis Lima Bersaudara, Daeng Parani, Daeng Marewah, Daeng Chelak, Daeng Menabung dan Daeng Kemasi berjaya mengalahkan Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah dalam beberapa siri pertempuran di Riau dan Siak. Raja Sulaiman dilantik oleh Opu Bugis Lima Bersaudara sebagai Sultan Johor, bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, meneruskan kembali dinasti bendahara. Manakala Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah berpindah ke Siah, dan mendirikan kerajaan Siak di Buantan pada tahun 1722.

Kacau bilau sejak 1699, diikuti serangan dan penaklukan Raja Kechil, serta penglibatan Opu Bugis Lima Bersaudara menyebabkan kemerosotan kerajaan Johor. Kemerosotan kerajaan Johor ini menyebabkan beberapa buah negeri yang pada suatu ketika di bawah naungan dan kekuasaan Johor membebaskan diri dan membentuk kerajaan Melayu baru. Pada tahun 1708, Tun Zainal Abidin, saudara Sultan Abdul Riayat Shah IV, putera Bendahara Tun Habib Abdul Majid mengasaskan kerajaan Terengganu. Tun Zainal Abidin bergelar Sultan Zainal Abidin. Begitu pada tahun 1766, Raja Lumu didaulatkan sebagai Sultan Selangor oleh Sultan Mahmud Perak.⁵ Nobat dan cap mohor diberikan kepadanya. Setelah Raja Lumu menjadi Sultan Selangor pada tahun 1766, Selangor bebas daripada kekuasaan Johor.⁶ Begitu juga Kelantan, Long Yunus diangkat sebagai Raja Kelantan oleh Sultan Mansur I Terengganu pada tahun 1776. Baginda meneruskan kerajaan Kelantan sebelum ini. Pada tahun 1773 pula, Raja Malewar dilantik sebagai Yamtuan Negeri Sembilan, dan bersemayam di Seri Menanti.⁷ Kewujudan kerajaan Melayu baru ini membawa kepada lahirnya tujuh buah kesultanan Melayu – Kesultanan Johor, Perak, Kedah, Selangor, Terengganu, Kelantan dan Negeri Sembilan.

Sementara Pahang ditadbir oleh Bendahara Johor, tinggal di Pahang, Kedah diserang Siam pada tahun 1821. Kerajaan Siam menguasai Kedah, ditadbir oleh seorang gabenor sehinggalah Kedah dibebaskan pada tahun 1842. Sepanjang tempoh kira-kira 21 tahun, 1821 hingga 1842, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah tinggal dalam buangan di Melaka. Dengan bantuan British, Sultan Ahmad Tajuddin dibenarkan pulang, dan menduduki semula takhta kerajaan Kedah. Perlis pada asalnya sebahagian daripada negeri Kedah, muncul sebagai kerajaan Perlis pada tahun 1842 apabila Syed Husin Jamalullail diangkat sebagai Raja Perlis. Raja Perlis Syed Husin ialah putera Syed Harun dengan Tunku Safiah (atau Tunku Tunjang) binti Tunku Dhiauddin, Raja Muda Kedah, pemerintah Perlis. Syed Harun keturunan Arab, peranakan Palembang. Beliau datang ke Alor Setar, kemudiannya menetap di Arau sebagai Penghulu.⁸ Namun begitu Perlis, salah sebuah jajahan Kedah dipisahkan, dan diletakkan di bawah seorang raja. Raja Perlis yang pertama ialah Syed Husin Jamalullail. Kemunculan kerajaan Perlis pada tahun 1842 ini bermakna kini terdapat lapan orang Raja di negeri Melayu. Bendahara Pahang, Wan atau Tun Ali meninggal dunia pada tahun 1857. Anak lelaki tua beliau, Wan Mutahir dilantik sebagai Bendahara Pahang. Tidak lama selepas perantikan tersebut berlaku perselisihan dengan adiknya Wan Ahmad. Perselisihan ini membawa kepada perang antara kedua pihak, berlanjutan hingga 1863. Pada tahun 1863, Wan Ahmad yang berjaya mengalahkan abangnya, Bendahara Wan Mutahir dilantik sebagai Bendahara Pahang, bergelar Bendahara Seri Wak Raja. Kemudiannya pada tahun 1882 Bendahara Wan Ahmad menggunakan gelaran Sultan. Pada 12 Disember 1884, Bendahara Wan Ahmad ditabalkan sebagai Sultan Pahang dengan gelaran Sultan Ahmad al-Muazzam Syah.⁹ Seterusnya diiktirafkan oleh kerajaan British pada tahun 1887.¹⁰

Dengan pertabalan Sultan Ahmad Muazzam Shah Pahang ini, genap sembilan orang Raja yang memerintah sembilan buah negeri Melayu – Sultan Kedah, Sultan Perak, Sultan Selangor, Sultan Johor, Sultan Terengganu, Sultan Kelantan, Sultan Pahang, Raja Perlis dan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

Pengalaman dan Cabaran Portugis, Belanda, Siam dan British

Melaka, pusat Kesultanan Melaka yang menguasai seluruh Tanah Melayu dan negeri-negeri tertentu di Pantai Timur Sumatera ditakluki Portugis di bawah pimpinan Alfonso de Albuquerque pada Ogos 1511. Namun begitu yang diduduki Portugis hanya Melaka sahaja, bukan jajahan naungan kerajaan Melaka. Sultan Ahmad dan Sultan Mahmud yang gagal mempertahankan Melaka berundur ke Bertam, Pagoh, Pahang dan akhirnya bersemayam di Bintan.¹¹ Pada tahun 1526, Portugis menyerang Sultan Mahmud di Bintan, baginda dikalahkan; mengundurkan diri ke Kampar. Baginda mangkat di Kampar pada tahun 1528.

Kerajaan Johor yang diasaskan oleh Sultan Alauddin Riayat Shah II menghadapi saingan Portugis di Melaka dan kerajaan Aceh, Sumatera di bawah Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Kedua-dua kuasa ini tidak lagi mengancam Kesultanan Johor selepas tahun 1641: Portugis dikalahkan oleh Belanda, dan Aceh lemah di bawah Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Shah (balu Sultan Iskandar Thani, 1636-1641). Oleh kerana Belanda adalah sekutu Kesultanan Johor, menyebabkan perkembangan perdagangan Johor tidak diganggu Belanda. Dengan itu Kerajaan Johor berkembang maju, dan pelabuhannya didatangi saudagar dari timur dan barat. Walaupun Kesultanan Johor tidak mendapat gangguan daripada Belanda, tetapi tidak Perak. Setelah bertapak di Melaka, Belanda cuba mencari peluang untuk memonopoli bijih timah di Perak. Dalam usaha mencapai matlamatnya itu, Belanda menghantar wakilnya ke Perak. Permohonan Belanda ditolak oleh Sultan Perak. Apabila gagal membuat perjanjian memonopoli bijih timah di Perak, rombongan Belanda dihantar ke istana Aceh mendesak Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Shah membantu mereka. Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Shah mengirim utusan mengiringi rombongan Belanda ke Perak. Dengan itu Sultan Muzaffar Shah II, Perak dan orang besar menandatangani perjanjian pada 15 Ogos 1650 membenarkan Belanda membuka gudang menguruskan perniagaan bijih timah di Kuala Perak. Namun begitu gudang ini diserang dan dimusnahkan oleh orang Perak pada 1651. Semua orang Belanda yang ada di sini dibunuh.¹²

Kerajaan Johor mulai 1641, menjadi kuat dan meneruskan keagungan kesultanan Melaka sebelum ini. Pelabuhan Johor menggantikan pelabuhan Aceh yang menggantikan pelabuhan Melaka sebelum itu. Kemudahan dan kelengkapan pelabuhan yang ada, orang laut mengawal perairan menjamin keselamatan antara lain menjadikan pelabuhan Johor dikunjungi saudagar.

Namun begitu kesultanan Johor menghadapi serangan Belanda pada tahun 1782. Pusat pentadbiran Johor di Bintan dikepung oleh angkatan Belanda di bawah pimpinan Toger Aboe. Walaupun begitu angkatan ini tidak dapat menawan Bintan, dan diarahkan pulang ke Melaka. Sementara angkatan Belanda mengepung Bintan, Sultan Ibrahim Selangor dan angkatan baginda melancarkan serangan ke atas Belanda di Melaka. Apabila angkatan Belanda dari Bintan dipanggil pulang ke Melaka, Yamtuan Muda Raja Haji memimpin angkatan Johor bergabung dengan angkatan Selangor yang dipimpin Sultan Ibrahim menyerang Belanda di Melaka. Namun begitu Yamtuan Raja Haji terkorban dalam pertempuran pada tahun 1784. Dengan itu angkatan Johor dan Selangor pulang ke negeri masing-masing. Pada tahun 1784, Johor dan Selangor menghadapi serangan Belanda. Sultan Mahmud Johor dikalahkan dan mengikat perjanjian dengan Belanda. Manakala Sultan Ibrahim, setelah gagal mengatasi angkatan Belanda berundur ke Pahang. Sultan Ibrahim kemudiannya menyerang Belanda di Kuala Selangor pada tahun 1785, dan berjaya mendudukinya.

Persaingan Siam-Burma di utara mempengaruhi Kesultanan Kedah. Siam dan Burma

seringkali menuntut bantuan daripada Sultan Kedah. Dalam usaha mengelakkan serangan kedua-dua buah negeri tersebut Kedah menghantar bunga mas dan perak ke Siam dan Burma. Bagi Kedah penghantaran bunga mas dan perak ini bagi mendapatkan perlindungan dan mengelakkan daripada diserang oleh Siam atau Burma. Oleh kerana ancaman Siam atau Burma, Sultan Abdullah menawarkan Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur British. Tawaran itu disertakan dengan syarat. Francis Light yang mewakili Syarikat Hindia Timur British tanpa menghiraukan syarat menduduki Pulau Pinang pada 1786. Daripada enam syarat yang dikemukakan, dua syarat yang tidak diterima oleh Syarikat. Syarat itu, mengatasi serangan yang datang dari laut; membekalkan senjata dan tentera dengan belanja ditanggung oleh Kedah untuk menghadapi serangan dari darat.¹³ Sultan Abdullah yang tidak puas hati terhadap Kompeni Hindia Timur Inggeris mengumpul kekuatan di Seberang Perai untuk melancarkan ke atas British di Pulau Pinang. Namun begitu sebelum serangan dilancarkan, angkatan British menyerang mereka. Setelah kalah, Sultan Abdullah menandatangani perjanjian dengan Kompeni pada Mei 1791 mengakui kedudukan British di Pulau Pinang. Pada tahun 1800, Sultan Dhiauddin Mukarram Shah, pengganti Sultan Abdullah menandatangani perjanjian dengan Syarikat Hindia Timur British memajukan Seberang Perai kepada British. Kemudiannya melalui perjanjian 1819, di antara Sir Stamford Raffles dengan Temenggung Abdul Rahman Johor dan Tengku Long Husin, putera Sultan Mahumud III Kompeni berjaya menduduki Singapura.

Kira-kira dua tahun selepas British bertapak di Singapura, pada tahun 1821, Kedah menghadapi serangan dilancarkan oleh Phraya Nakorn Sri Thammarat atau Ligor yang diarahkan oleh Raja Siam, Phra Nang Klao (Rama III). Kedah ditakluki Siam dan ditadbirkan oleh Gabenor, putera Raja Ligor dari tahun 1821 hingga 1842. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II berada dalam buangan di Melaka. Sementara itu pendudukan Siam di Kedah ditentang oleh Tunku Kudin dan Tunku Muhammad Saad pada tahun 1830-an. Namun begitu gerakan membebaskan Kedah ini gagal. Pada tahun 1842, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II dibenarkan menduduki semula takhta kerajaan Kedah.

Raja Melayu dan Penjajah British

Setelah Kesultanan Kedah menghadapi kuasa Siam, Perak pula menerima pengaruh British melalui Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada 20 Januari 1874. Perjanjian ini ditandatangani oleh Raja Muda Abdullah dan pembesar tertentu Perak dengan Sir Andrew Clarke wakil British. Berkuatkuasa perjanjian ini Raja Muda Abdullah diiktirafkan oleh British sebagai Sultan Perak, dan Sultan Ismail dipencenkan. Perak akan menerima seorang Residen British yang nasihatnya akan diminta dan dipatuhi dalam semua perkara kecuali adat dan agama Islam. Penglibatan British dalam pentadbiran Perak ini mencetuskan pakatan menentang British dan membunuh wakilnya, Residen British J.W.W. Birch. Seterusnya pada hari raya puasa kedua, 2 November 1875, J.W.W. Birch dibunuh di Pasir Salak ketika sedang mandi.

Begitu juga dengan Yamtuan Tuanku Antah melancarkan gerakan menentang British pada tahun 1875 setelah British terlibat di Sungai Ujong dan Terachi (salah sebuah negeri Seri Menanti). Manakala di Pahang, Sultan Ahmad Muazzam Shah merestui perjuangan menentang British pada tahun 1891-1895, di bawah pimpinan Tuk Gajah, Tuk Bahaman dan Mat Kilau. Akhirnya keempat-empat negeri ini, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang dicantumkan di bawah satu pentadbiran yang dipanggil Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896. Kuasa pentadbir tertinggi di tangan Residen Jeneral. Kini Sultan Perak, Selangor, Pahang dan Yamtuan Besar Negeri Sembilan dan Residen British tidak lagi berkuasa. Sultan

menjadi anggota Majlis Mesyuarat yang mana tarafnya sama dengan ahli lain. Di atas kesedaran kehilangan kuasa ini, Sultan Idris Perak dalam Majlis Mesyuarat Raja (Durbar) pada tahun 1897 dan 1903 menyuarakan memulangkan kembali kuasa kepada tiap-tiap negeri.

Kesultanan Kedah, Kelantan dan Terengganu, serta Raja Perlis akhirnya menerima pegawai British, bergelar Penasihat British. Kesultanan Kedah dan Perlis menerima Penasihat British melalui Perjanjian Bangkok 1909. Walaupun dalam perjanjian 1909 ini, termasuk juga Kelantan dan Terengganu, tetapi kedua-dua negeri ini menolak Perjanjian Bangkok. Sultan Zainal Abidin III Terengganu dan Sultan Muhammad IV Kelantan menolak perjanjian ini. Kelantan hanya menerima Penasihat British pada tahun 1910, setelah terjalannya perjanjian Kelantan dengan British. Terengganu juga menandatangani perjanjian dengan British, 1910 tetapi hanya menerima Ejen British. Sementara itu Kesultanan Johor menerima Penasihat British pada tahun 1914. Terengganu pula menerima Penasihat pada tahun 1919, setelah terikatnya perjanjian Terengganu dengan Great Britain pada tahun 1919.

Apabila British campur tangan dalam negeri-negeri Melayu mulai 1874, kuasa dan hak Raja dalam pentadbiran hanyalah perkara bersangkut paut dengan agama dan adat Melayu. Perkara enam dalam Perjanjian Pangkor yang ditandatangani oleh Raja Muda Abdullah serta beberapa Orang Besar Perak dan Gabenor Negeri Selat, Sir Andrew Clarke pada 20 Januari 1874 menyebut:

...Tuan Residen Negeri Perak menjadi orang kerajaan gobermen. Akan Yang Di-Pertuan itu mahu-lah menempah dengan-nya dahulu daripada fasal sekalian perkara dan pekerjaan Negeri Perak itu melainkan tidak boleh ia masuk daripada fasal Ugama Islam dan 'Adat Melayu itu ada-nya.¹⁴

Sangat perlu dinyatakan di sini, campur tangan dan penglibatan British dalam pentadbiran negeri Melayu adalah berperingkat. Perak pada tahun 1874, Selangor, 1874; Pahang 1887, dan Negeri Sembilan mulai 1874, dan seluruh negeri (Sungai Ujong, Jelebu, Johor, Rembau, Jempul, Hulu Muar, Gunung Pagar, Terachi, dan Inas) pada tahun 1889. Masing-masing negeri yang menurunkan tandatangan tersebut bersetuju membina sebuah kediaman, dan membayar gaji kepada pegawai British yang dilantik, dan bergelar Residen British. Raja Melayu yang menurunkan tandatangan ke atas perjanjian tersebut juga bersetuju menerima nasihat Residen British dalam semua perkara, kecuali agama Islam dan adat Melayu. Keempat-empat negeri ini dirujuk sebagai Negeri Perlindungan British (*British Protectorate*). Kemudiannya dengan matlamat memajukan negeri dan pentadbiran, kerajaan British mengikat perjanjian lagi dengan negeri tersebut, yang dikenal sebagai Perjanjian Persekutuan 1895.

Perjanjian ini ditandatangani oleh Gebenor Negeri-negeri Selat, bagi pihak Kerajaan Baginda Queen dengan Raja-raja Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Perjanjian mengandungi lima fasal, tetapi fasal 4 melibatkan kuasa dan hak Raja Melayu dalam agama Islam dan adat Melayu. Fasal 4 menyebut:

Pemerintah-pemerintah yang tersebut namanya di atas itu bersetuju menerima seorang pegawai British yang akan dipanggil Residen General wakil kerajaan British di bawah Gabenor Negeri-negeri Selat. Mereka itu mengaku hendak memberi kepadanya tempat duduk yang layak baginya dengan gaji yang akan ditentukan oleh kerajaan Permaisuri Inggeris dan mereka mengaku mengikut nasihatnya di dalam semua perkara memerintah selain daripada hal yang berkenaan dengan agama Islam. Maka jawatan Residen General itu tidak mengubah kewajipan pemerintah-pemerintah

Melayu kepada British-Residen yang ada sekarang ini atau yang akan diletakkan di dalam negeri-negeri yang bernaung yang tersebut di atas itu.¹⁵ (The above-named Rulers agree to accept a British Officer, to be styled the Resident-General, as the agent and representative of the British Government under the Governor of the Straits Settlements. They undertake to provide him with suitable accommodation, with such salary as is determined by Her Majesty's Government, and to follow his advice in all matters of administration other than those touching the Muhammadan religion. The appointment of the Resident-General will not affect the obligations of the Malay Rulers towards the British Residents now existing or to be hereafter appointed to offices in the above-mentioned Protected States).¹⁶

Keempat-empat Raja Melayu yang menurunkan tandatangan ke atas perjanjian tersebut bersetuju membentuk Persekutuan, dikenali sebagai *Federated Malay States* (Negeri-negeri Melayu Bersekutu). Pegawai British bergelar Residen Jeneral akan menguruskan pentadbiran Persekutuan, dan Raja Melayu kekal dalam bidang agama Islam dan adat Melayu. Namun begitu Perjanjian Persekutuan sangat berbeza dengan perjanjian British dengan tiap-tiap negeri sebelum ini. Perjanjian Persekutuan menyatakan Raja-raja Melayu bersetuju Residen Jeneral yang berpusat di Kuala Lumpur menguruskan Persekutuan. Persetujuan memberi kuasa ini bermakna Raja-raja Melayu kehilangan kuasa dalam pentadbiran negeri masing-masing. Jika sebelum ini, tanpa perkenan Raja-raja Melayu undang-undang yang diluluskan dalam Majlis Negeri (*State Council*) tidak dapat dilaksanakan. Kini undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Persekutuan boleh berkuat kuasa dalam negeri, kecuali berkaitan agama Islam dan adat istiadat Melayu, atau berkaitan dengan bidang kuasa Majlis Negeri, diluluskan oleh negeri. Kejayaan British mewujudkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu ini bermakna kedudukan Perak, Selangor, Pahang, dan Negeri Sembilan, bertukar dari Negeri Perlindungan British kepada Negeri Perlindungan Kolonial British (*British Colonial Protectorate*).

Jika diperhatikan bidang kuasa Raja dalam hal agama dan adat Melayu masih tidak berubah sebagaimana tercatat dalam perjanjian di antara Raja Melayu dengan kerajaan British sebelumnya. Namun begitu suatu perkara yang perlu ditegaskan di sini ialah, perjanjian yang melibatkan agama Islam dan adat Melayu ini adalah di antara Raja-raja Melayu dengan Residen General yang akan mentadbir negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang bagi pihak Kerajaan Baginda Queen. Manakala ikatan perjanjian di antara Raja-raja Melayu dengan Residen British mengenai agama dan adat Melayu terus kekal.

Namun begitu satu perkara yang dijelaskan dalam Perjanjian Persekutuan ini ialah pengakuan kerajaan British tidak berniat mengurangkan atau melemahkan kuasa dan hak Raja-raja Melayu sebagaimana dinikmati dalam perjanjian persahabatan sebelum ini.

Dalam pelaksanaan pentadbiran, Residen General sangat berkuasa dalam pentadbiran. Oleh sebab itu Raja-raja Melayu, khususnya Sultan Idris Perak mendesak supaya kerajaan British memulangkan kembali kuasa Raja-raja Melayu. Pemusatan pentadbiran di Kuala Lumpur ini juga menimbulkan bantahan daripada Residen British di negeri Melayu terlibat. Peranan Majlis Negeri menjadi kurang kerana dasar perundangan yang berpusat di Kuala Lumpur menjadikan peranan Majlis Negeri menjadi kecil, hanya lebih sebagai badan pengesah sahaja.¹⁷

Ketika Raja Melayu dan Residen British tidak puas hati terhadap terlalu pemusatan kuasa di Kuala Lumpur, berlaku perubahan dalam pentadbiran British. Residen General Frank

Swettenham dinaikkan pangkat pada Februari 1901, sebagai Gabenor Negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri Melayu. Jawatan Residen General disandang oleh W.H. Treacher (13 Disember 1901 – 31 Disember 1904). Perubahan pentadbiran berlaku lagi: pada April 1904, Sir John Anderson menggantikan Frank Ssettenham; dan jawatan Residen General pula diduduki oleh W,T Tay lor, menggantikan W.H. Treacher.

Tuntutan dan desakan Raja-raja Melayu memulangkan kembali kuasa kepada negeri masing-masing, antara lain menjadi faktor Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi baru, Sir John Anderson memperakukan kepada Pejabat Kolonial supaya mengemaskan lagi pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Sir John Anderson mengemukakan cadangan kepada Pejabat Kolonial pada Disember 1907, dan kemudiannya mendapat restu daripada Pejabat Kolonial. Dengan itu Sir John Anderson mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu mementerai Pejanjian Majlis Persekutuan pada 20 Oktober 1909. Perjanjian ini mengandungi 11 fasal; tetapi jika diamati dan dikira fasal 5A, jumlah keseluruhan fasalnya adalah 12. Perjanjian ini ditandatangani oleh Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu, bagi pihak Kerajaan Baginda King dengan Raja-raja Melayu, Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan (termasuk Dato' Kelana Sungai Ujong, Dato' Johol, Dato' Jelebu, Dato' Rembau, dan Tunku Dewa Tampin). Raja-raja Melayu yang menurunkan tandatangan tersebut bersetuju dengan 11 fasal yang dicatatkan dalam Perjanjian Majlis Persekutuan itu. Antara lain, majlis tersebut dinamakan Majlis Persekutuan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (*Federal Council of the Federated Malay States*); anggotanya Pesuruhjaya Tinggi, Residen General, Raja-raja Melayu, Residen British, dan empat ahli tidak rasmi dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi dengan perkenan Baginda King.

Dari 11 fasal ini terdapat satu fasal, iaitu fasal 9 yang menyentuh kuasa dan hak Raja-raja Melayu dalam hal agama dan adat Melayu. Fasal ini berbunyi:

Segala undang-undang yang telah disahkan oleh State Council itu boleh dijalankan di dalam satu-satu negeri melainkan jika sekiranya ada sebarang perkara di dalamnya yang berlawanan dengan syarat-syarat undang-undang yang telah disahkan oleh Federal Council, dan segala perkara yang bersangkutan dengan agama Islam, hal masjid-masjid, hal gaji-gaji waris-waris negeri, dan pembesar-pembesar negeri dan penghulu dan sebarang perkara yang lain yang difikirkan oleh High Commissioner bersangkut dengan hak dan kekuasaan Sultan-Sultan itu atau pun dengan sebarang sebab difikirkan perkara-perkara itu lebih patut diputuskan oleh State Council maka hendaklah perkara-perkara itu diuntukkan bagi State Council dengan khasnya.¹⁸

(Laws passed or which may hereafter be passed by the State Councils shall continue to have full force and effect in the State except in so far as they may be repugnant to the provision of any law passed by the Federal Council, and questions connected with the Mohammedan Religion, Mosques, Political Pensions, Native Chiefs and Penghulus and any other questions which in the opinion of the High Commissioner affect the rights and prerogatives of any of above-named Rulers or which for other reasons he considers should properly be dealt with only by the State Councils shall be exclusively reserved to the State Councils).¹⁹

Satu perkara yang sangat perlu dinyatakan di sini, Perjanjian Perlembagaan Majlis

Persekutuan ini hanya menyebut agama Islam (yang dirujuk British sebagai *Mohammedan Religion*), tidak adat Melayu. Namun begitu, berbanding dengan peruntukan kuasa dan hak Raja-raja Melayu dalam perjanjian sebelum ini (Perjanjian British dengan negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang serta Perjanjian Persekutuan 1895), bidang kuasa dan hak Raja-raja Melayu dinyatakan lebih terang. Dalam Perjanjian ini disebut kuasa dan hak Raja-raja Melayu berkaitan agama Islam, masjid, pencen politik, pembesar, penghulu, dan perkara yang difikirkan oleh Pesuruhjaya Tinggi adalah bidang kuasa dan hak Raja-raja Melayu. Apa yang lebih penting dari itu, kuasa dan hak Raja-raja Melayu dihadkan hanya kepada perkara tersebut, dan perkara yang difikirkan patut serta sesuai oleh Pesuruhjaya Tinggi diluluskan oleh Majlis Negeri. Namun begitu dalam hal yang lain pula, berlaku percanggahan yang jelas dengan Perjanjian Majlis Persekutuan itu yang mana menyatakan tidak ada sebarang niat untuk mengurangkan sebarang kuasa yang dimiliki oleh Raja-raja Melayu.²⁰

Sementara itu British menjalankan kegiatan untuk melibatkan diri dalam pentadbiran negeri Melayu lain. Seterusnya British campur tangan dalam Negeri Melayu, Perlis dan Kedah melalui Perjanjian Bangkok 1909, dan perlantikan Penasihat British di kedua-dua negeri tersebut; serta campur tangan British di Kelantan melalui perjanjian 1910, dan Terengganu melalui perjanjian 1919, serta perlantikan Penasihat British dalam kedua-dua negeri tersebut dirujuk sebagai Negeri Naungan British (*British Suzereinty Malay States*). Manakala Johor yang bersetuju menerima Penasihat Besar British (*British General Adviser*) berkuat kuasa perjanjian 1910, dirujuk sebagai negeri perlindungan Kolonial British. Penasihat British di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu; dan Penasihat Besar British di Johor akan disediakan kediaman, dibayar gaji oleh negeri berkaitan, dan memberi nasihat kepada Raja-raja Melayu dalam semua perkara, kecuali agama dan adat Melayu.

Pembentukan Perlembagaan Majlis Persekutuan dan pelaksanaan Majlis Persekutuan langsung tidak dapat menyelesaikan perkara yang dibangkitkan oleh Raja-raja Melayu dan masing-masing Residen British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Raja-raja Melayu menghadiri mesyuarat Majlis dalam bahasa yang asing bagi mereka, dan kuasa baginda sama dengan anggota majlis lain. Martabat, kuasa dan hak Raja-raja Melayu terus terpinggir, dan kini berada di tangan Pesuruhjaya Tinggi. Padahal perjanjian perlembagaan Majlis Persekutuan ada menyebut dengan jelas dalam fasal 11, tidak akan mengurangkan kuasa dan hak Raja-raja Melayu dalam negeri masing-masing. Fasal 11 menyebut:

Tiada sesuatu di dalam Perjanjian itu yang dimaksud hendak mengurangkan sebarang kuasa atau hak yang ada sekarang dipegang oleh semua Sultan di dalam negeri masing-masing dan lagi tidak jua perjanjian ini mengubah perhubungan yang ada sekarang ini di antara negeri Melayu yang tersebut itu dengan British Empayar seperti yang telah ditetapkan oleh teriti-teriti yang telah lalu.²¹

(Nothing in this Agreement is intended to curtail any of the powers or authority now held by any of the above-named Rulers in their respective States, nor does it alter the relations now existing between any of the States named and the British Empire as established by previous Treaties).²²

Ketidak selesaan ini menyebabkan Raja-raja Melayu mendesak bersungguh-sungguh kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu memulangkan balik kuasa dan hak kepada baginda. Begitu juga Residen British masing-masing negeri juga menuntut supaya kuasa yang terlalu berpusat di Kuala Lumpur, di bawah Pesuruhjaya Tinggi dikembalikan kepada mereka. Setelah

mengambil kira tuntutan Raja-raja Melayu, Pesuruhjaya Tinggi mengambil langkah untuk memenuhi tuntutan Raja-raja Melayu tersebut. Pada tahun 1925, Pesuruhjaya Tinggi, Sir Laurence Guillemard membuat ucapan dalam Majlis Persekutuan, dan dalam Kertas 39 Tahun 1925 menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memulangkan kuasa Raja-raja Melayu dalam Majlis Negeri masing-masing.²³ Dalam ucapan itu Pesuruhjaya Tinggi Sir Laurence Guillemard sedar Pesuruhjaya Tinggi Sir John Anderson sebelumnya telah mencuba untuk "...membetulkan kesilapan..." yang sepatutnya bergerak di atas landasan bahawa pentadbiran negeri Melayu hendaklah dijalankan oleh Raja-raja Melayu dengan bantuan Residen British, dan Raja-raja Melayu bersetuju mengikut nasihat Residen tersebut dalam semua perkara, kecuali agama Islam dan adat Melayu.²⁴

Sementara itu Pesuruhjaya Tinggi Sir Laurance Guillemard mengambil langkah meminda perlembagaan Majlis Persekutuan yang telah pun dua kali dipinda pada tahun 1912 dan 1914. Perjanjian pindaan ini ditandatangani pada 24 April 1927 di Kuala Lumpur, di antara Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu yang mewakili kerajaan Baginda King dengan Raja-raja Melayu, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Perjanjian ini mengandungi 15 fasal, dan menitik beratkan bidang kuasa Majlis Persekutuan, serta keanggotaan Majlis tersebut.²⁵ Daripada 15 fasal ini, fasal 13 ada menyentuh mengenai Raja-raja Melayu dan agama Islam. Dalam fasal ini menyebut:

Selain daripada perkara yang termasuk di dalam fasal yang kedua belas di atas itu [Sekalian Estimate(peranggaran) perolehan wang kerajaan hendaklah di bawa ke hadapan Federal Council dan sekalian perbelanjaan hendaklah dibenarkan oleh Council itu dengan persetujuan mesyuarat atau pun dengan supply bill...] semua perkara yang berkenaan dengan agama Islam, hal masjid-masjid, gaji-gaji waris-waris negeri, pencen pembesar-pembesar raja-raja dan penghulu-penghulu dan sebarang perkara yang lain-lain yang difikirkan oleh High Commissioner bersangkutan dengan kuasa dan hak Sultan atau pun ada sebab-sebab yang lain-lain yang difikirkan patut diselesaikan di dalam State Council hendaklah diputuskan oleh State Council sahaja.²⁶

Sekali lagi kuasa dan hak Raja-raja Melayu dihadkan kepada agama Islam dan perkara yang tercatat dalam fasal 13 ini, dan jika difikirkan oleh Pesuruhjaya Tinggi wajar diselesaikan oleh Majlis Negeri. Namun begitu kewangan yang menjadi nadi penting melaksana dan menguatkuasa keputusan Majlis Negeri dikawal oleh Majlis Persekutuan. Dalam pada itu seperti perjanjian sebelum ini, dalam fasal 15 dinyatakan tidak ada sebarang niat untuk mengurangkan kuasa dan hak yang dimiliki oleh Raja-raja Melayu dalam negeri masing-masing, dan mengubah persahabatan yang telah dijalin sebelum ini.²⁷

Pendudukan Jepun

Raja-raja Melayu mengharungi pengalaman baru ketika pemerintahan tentera Jepun. Jepun melancarkan serangan ke atas Tanah Melayu penghujung tahun 1941, dan menguasainya pada tahun 1942, setelah tentera British menyerah kalah pada 12 Februari 1942. Pentadbiran tentera Jepun dalam perancangan awal pada tahun 1941, meletakkan Raja-raja Melayu sebagai pemerintah biasa (*nominal ruler*) di bawah sistem nasihat; tetapi apabila General Yamashita meluluskan dokumen dasar pada Februari 1942, Raja-raja Melayu dikekalkan status politik baginda.²⁸ Namun begitu regim baru menetapkan dasar menghilangkan semua kuasa dan hak sultan. Manakala Wataru Watanabe, Timbalan Ketua Pemerintah Tentera Tanah Melayu,

dalam arahannya bertarikh Februari 1942 menyebut mengekalkan status Raja-raja Melayu seperti sebelumnya, tetapi baginda di penyeliaan Jepun. Pada 11-13 April 1942, Raja-raja Melayu berangkat ke Singapura (Syonan Tu) bertemu Putera Tokugawa dan pegawai tentera Jepun. Dalam pertemuan itu Raja-raja Melayu menyatakan harapan baginda, supaya segala perkara berkaitan agama Islam dalam negeri baginda tidak diganggu.²⁹ Namun begitu dalam kenyataan pada Mei 1942, Marquis Tokugawa menyatakan kuasa dan hak Raja-raja Melayu dihapus kerana penduduk Tanah Melayu menjadi rakyat Raja Jepun.³⁰

Namun demikian jawatan Mufti dikekalkan, dan perlantikan baru dilakukan. Misalnya pada 4 Ogos 1942, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah Terengganu melantik Sheikh Hasan bin Said al-Yamani sebagai Mufti Terengganu. Sheikh Hasan diberi kuasa menjalankan urusan berkaitan agama Islam bagi pihak Sultan dalam negeri Terengganu.³¹

Kerajaan tentera Jepun melihat perkembangan Tanah Melayu, Raja Melayu tidak boleh dikesampingkan jika ingin menawan hati penduduk Melayu. Dengan itu Raja-raja Melayu dikekalkan sebagai Pelindung Agama Islam. Misalnya dalam surat titah Sultan Johor bertarikh 18 Julai 1943 (18 Julai 1943) terdapat catatan pada tajuknya "An Edict of His Highness Sultan of Johore and Protector of Islam for the State and Territory of Johore".³² Berikutnya pada 5-6 April 1943, kerajaan tentera Jepun membiayai persidangan Raja-raja Melayu di Singapura.³³ Dalam persidangan ini Jepun memberi jaminan akan memberi kebebasan beragama dan melindungi agama Islam.³⁴ Antara kesan utama persidangan ulama ini, kerajaan tentera Jepun menarik balik sekatan terhadap Majlis Ketua Ulama Perak yang memainkan peranan penting sebelum perang. Seterusnya dari September hingga Oktober 1944, Majlis Agama ini dipulihkan di Negeri lain, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Johor. Manakala negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Johor.³⁵ Pada 13-15 Disember 1944, kerajaan tentera Jepun menganjurkan Persidangan Islam di Kuala Kangsar. Matlamat utama kerajaan tentera Jepun ingin mempengaruhi golongan agama menyokong pentadbiran tentera Jepun.³⁶

Sementara itu pada tahun 1943, pentadbiran tentera Jepun memindahkan pentadbiran Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu kepada pentadbiran tentera Thai. Walaupun berada dalam pentadbiran tentera Thai, Raja-raja Melayu keempat-empat negeri ini dikekalkan. Dalam pada itu Pesuruhjaya Tinggi Tentera Thai dalam surat pengisytiharannya memberi jaminan akan menghormati agama Islam.³⁷

Ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu, kerajaan British di London berbincang berbagai-bagai tentang bentuk dan struktur pentadbiran di Tanah Melayu apabila mereka kembali nanti. Antaranya menyentuh kedudukan Raja-raja Melayu. Misalnya mengesyorkan Raja-raja Melayu sebagai badan penasihat kepada gabenor dalam perkara berkaitan orang Melayu dan agama Islam. Dalam pada itu pada November 1944, H.C. Willan mencadangkan Raja-raja Melayu sebagai badan penasihat gabenor dalam semua perkara berkaitan agama Islam dan adat Melayu sebelum dibincangkan dalam badan perundangan Kesatuan.³⁸

Pentadbiran Tentera British dan Malayan Union

Selepas perang dunia kedua, British bertapak kembali di Tanah Melayu pada tahun 1945, dan membentuk Pentadbiran Tentera British. Kemudiannya pada tahun 1946, kerajaan memperkenalkan Malayan Union, setelah mendapat persetujuan Raja-raja Melayu dalam siri perjanjian dengan MacMichael yang mewakili Kerajaan Mahkota British pada tahun 1945. Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Sir Harold MacMichael sebagai Wakil Khas Kerajaan Baginda King United Kingdom dan Northern Ireland dengan Raja-raja Melayu pada tarikh yang berbeza-beza. Masing-masing Raja-raja Melayu menurunkan tandatangan dan cap pada

perjanjian masing-masing. Namun semua isi kandungan dalam perjanjian tersebut adalah sama. Perjanjian dengan Terengganu berkuatkuasa pada 21 Disember 1945; Johor, 20 Oktober 1945; Selangor, 24 Oktober 1945; Pahang, 2 November 1945; Negeri Sembilan, 14 November 1945; Perak, 22 November 1945; Perlis, 4 Disember 1945; Kedah, 2 Disember 1945; dan Kelantan, 17 Disember 1945. Sebagai contoh kandungan Perjanjian 1945 dengan Raja-raja Melayu ini dikutip daripada “Suatu Perjanjian di-antara Kerajaan Yang Maha Mulia Baginda King di-dalam United Kingdom di-Great Britain dan di-Northern Ireland dengan Kerajaan Negeri Johor”.

BAHWA OLEH SEBAB ada-lah perjanjian-perjanjian yang sedia ada di-antara Yang Maha Mulia Baginda King di-Great Britain dengan Yang Maha Mulia Sultan Johor:

DAN OLEH SEBAB Negeri-negeri Melayu patut memajukan serta membesarkan undang-undang tuboh Kerajaan-nya di-bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Baginda King dan juga bagi pemerentahan Negeri Johor pada masa yang ka-hadapan:

MAKA ADA-LAH DI-PERSATUJUKAN DENGAN PERJANJIAN INI di-antara Sir Harold MacMichael, G.C.M.M, D.S.O., wakil khas Kerajaan Yang Maha Mulia Baginda King di-dalam United Kingdom di-Great Britain dan di-Northern Ireland bagi pihak Yang Maha Mulia Baginda King dengan Yang Maha Mulia Sultan Negeri Johor bagi pihak diri-nya sendiri dan waris-waris-nya dan keturunan-nya seperti yang tersebut di-bawah ini:

1. Yang Maha Mulia Sultan Negeri Johor berjanji ia-itu Yang Maha Mulia Baginda King tetap-lah akan beroleh sa-penoh-penoh kuasa mengadakan undang-undang di-dalam Negeri Johor.
2. Perjanjian-perjanjian sedia yang tersebut di-atas ini akan berlaku sa-penoh-penoh kuatkuasa-nya, kechuali mana-mana tentang yang berselisih dengan perjanjian baharu ini atau dengan mana-mana peraturan tuboh Kerajaan bagi Tanah Melayu ini yang akan di-adakan oleh Yang Maha Mulia Baginda King.³⁹

Dalam perjanjian ini Raja-raja Melayu menyerahkan semua *jurisdiction* ke atas negeri masing-masing kepada Mahkota British. Raja-raja Melayu hanya sebagai ketua sosial dan agama sahaja.⁴⁰ Rancangan Malayan Union ini disiarkan dalam akhbar *The Times* di London pada 23 Januari 1946 berjudul “New Plan for Malaya, Two Administrative Units, An Initial Phase”.⁴¹

Dalam rancangan Malayan Union, Baginda King mesti mempunyai *jurisdiction* dalam negeri Melayu untuk membolehkan baginda “...to legislate for all the States alike under the Foreign Jurisdiction Act”. Dalam hal ini Sir Harold MacMichael, Wakil Khas Kerajaan Baginda berjaya mendapatkan tandatangan daripada semua Raja-raja Melayu untuk melaksanakan rancangan Malayan Union ini. Tandatangan pula didapati setelah rundingan yang berlangsung dalam suasana persahabatan dan kemesraan (**friendliness and goodwill**).⁴² Dalam hal Raja dan agama dinyatakan yang Kerajaan Baginda King sentiasa tidak lupa kedudukan khas Raja-raja Melayu sebagai ketua tradisional dan roh (*spritual*) orang Melayu. Dengan itu Raja-raja Melayu akan mempengerusi Majlis Penasihat Melayu di negeri masing-masing; dan anggotanya akan dilantik oleh Raja tetapi dengan kelulusan Gabenor. Manakala tugas utama Majlis ini segala hal berkaitan dengan agama Islam dan adat Melayu.⁴³ Dengan itu Majlis ini akan menasihati Raja

dalam semua hal berkaitan agama Islam; menasihati Raja dalam penggubalan undang-undang berkaitan agama Islam; dan menasihati Raja dalam semua hal yang dirujuk kepada Majlis oleh Raja, atau Residen Komissioner dengan persetujuan Gabenor. Namun begitu undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Melayu di peringkat negeri ini akan dipertimbangkan dalam Majlis Sultan yang anggotanya Gabenor sebagai pengerusi, Raja-raja Melayu, ketua setiausaha, ketua hakim, dan setiausaha kewangan.⁴⁴

Perkara ini disifatkan sebagai tamparan hebat ke Raja-raja Melayu dan penduduk Tanah Melayu. Raja-raja Melayu membantah perjanjian ini. Baginda menyatakan dipaksa dan tidak diberi cukup masa untuk membincangkan perkara yang berkaitan dalam perjanjian tersebut. Sultan Kedah, Perak dan Kelantan menghantar telegaram ke London membantah Perjanjian ini. Pengenalan Malayan Union ditentang oleh Persatuan Melayu Johor di bawah pimpinan Dato' Abdul Rahman bin Mohd. Yasin; Lembaga Melayu Johor, dan juga Pergerakan Melayu Semenanjung Johor di bawah pimpinan Dato' Onn bin Jaafar. Persatuan Melayu Johor ditubuhkan pada tahun 1939 di Johor Bahru, dan kebanyakan anggotanya adalah kakitangan kerajaan Johor.⁴⁵ Manakala Pergerakan Melayu Semenanjung Johor diasaskan oleh Dato' Onn bin Jaafar dalam pertemuan di Masjid Jamek, Batu Pahat, Johor pada 3 Januari 1946.⁴⁶

Dato' Onn mencadangkan digabungkan pertubuhan di Johor menentang Malayan Union. Cadangan Dato' Onn ini dibincangkan dalam mesyuarat Persatuan Melayu Johor yang berlangsung pada awal 1946 di sebuah bangunan Askar Timbalan Setia Johor. Haji Hassan bin Yunus, salah seorang ahli jawatan kuasa Persatuan Melayu Johor menolak cadangan Dato' Onn, dengan alasan tidak wajar Persatuan Melayu Johor yang besar anggotanya bergabung dengan pertubuhan yang kecil anggota, seperti Pergerakan Melayu Semenanjung Johor. Cadangan Haji Hassan ini tidak ditentang oleh mereka yang hadir. Antara yang hadir, Syed Alwee bin Syed Sheikh al-Hadi, dan Haji Anuar bin Haji Abdul Malik.⁴⁷ Pada awal Januari 1946, Lembaga Melayu Johor mendapat sokongan Persatuan Melayu Johor mengadakan rapat umum menentang Malayan Union. Dalam rapat ini Ungku Omar Abdullah, Naib Presiden Lembaga Melayu Johor dan Doktor Hamzah berucap mengutuk Malayan Union. Dalam pada itu Persatuan Melayu Johor dan Lembaga Melayu Johor membuat saranan meminta Dato' Onn melaksanakan tindakan demi kepentingan bangsa Melayu. Dengan itu Persatuan Melayu Johor menghantar wakilnya, Syed Alwee al-Hadi dan Haji Anuar Malek ke Batu Pahat berunding dengan Dato' Onn. Perbincangan berlangsung di rumah Haji Noah bin Omar, majistret Batu Pahat, Jalan Sultanah dari petang sampai tiga pagi. Isu utama ialah menubuhkan Malayan Union. Mereka yang berunding itu bersetuju membentuk sebuah pertubuhan bernama United Malays Organisation (UMO), sempena badan dunia United Nations Organisation yang dicadangkan oleh Haji Anuar bin Abdul Malek.⁴⁸ Semua yang hadir bersetuju dengan nama UMO itu.⁴⁹ Perbincangan diteruskan lagi pada keesokan harinya. Dalam perbincangan ini diputuskan menyiarkan rencana menyeru masyarakat Melayu bergabung di dalam akhbar *Utusan Melayu* di Singapura. Draf rencana ini ditaip oleh Syed Alwee, dan disemak oleh Haji Anuar. Seterusnya Syed Alwee membawa rencana tersebut ke pejabat *Utusan Melayu* di Singapura.⁵⁰ Seruan dalam akhbar ini mendapat sambutan daripada orang Melayu, kerana mereka bersemangat menentang Malayan Union.⁵¹ Selain itu Dato' Onn menulis surat dalam *Utusan Melayu* pada 23 Januari 1946, menyeru bangsa Melayu bergembling tenaga menentang Malayan Union. Seruan Dato' Onn ini mendapat reaksi daripada akhbar *Warta Malaya* dan *Majlis*. Pada 14 Februari 1946, Pergerakan Melayu Semenanjung Johor yang bermesyuarat di rumah Dato' Onn di Batu Pahat bersetujua mengadakan kongres pada 1-4 Mac 1946. Tanggungjawab menguruskan kongres ini diserahkan kepada Persatuan Melayu Melaka.

Sementara persiapan dibuat untuk mengadakan kongres pada 1-4 Mac 1946, Persatuan Melayu Johor di bawah pimpinan Dato' Abdul Rahman bin Mohd. Yasin mengadakan mesyuarat di kediaman Menteri Besar Johor. Kira-kira 20 orang dari kalangan kakitangan kerajaan Johor hadir dalam mesyuarat ini. Antara mereka yang hadir: Dato' Abdul Rahman bin Mohd. Yasin, Dato' Abdullah bin Esa, Sulaiman bin Abdul Rahman (kemudian bergelar Dato'), Doktor Awang bin Hasan, Haji Hassan bin Haji Yunos (kemudiannya bergelar Dato' dan Tan Sri), Cikgu Safiah binti Sulaiman, Kusai bin Md. Salleh, dan Syed Alwee bin Sheikh al-Hadi. Perkara utama dalam perbincangan ini soal Sultan Ibrahim menandatangani perjanjian MacMichael. Mesyuarat anjuran Persatuan Melayu Johor diadakan lagi di Masjid Abu Bakar, Johor Bahru pada keesokan harinya, 1 Februari 1946. Mesyuarat ini dihadiri antara 500 hingga 600 orang, dan berlangsung dari pukul 2.30 petang hingga 5.00 petang. Mesyuarat ini juga dihadiri Dato' Onn dan Panglima Salleh.

Mesyuarat ini mengambil keputusan, Sultan Ibrahim menandatangani Perjanjian dengan MacMichael pada tahun 1945 bercanggah dengan perkara 15, Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. Persatuan Melayu Johor mempersoalkan keabsahan Perjanjian 1945 yang ditandatangani oleh Sultan Ibrahim Johor. Bantahan ini diputuskan dalam mesyuarat Persatuan Melayu Johor. Ekoran dari itu tujuh orang menurunkan tandatangan di atas Risalah mempersoalkan keabsahan Perjanjian yang ditandatangani Sultan Johor tersebut. Mereka yang menurunkan tandatangan dan bertanggungjawab mengedarkan Risalah mempersoalkan keabsahan Perjanjian 1945, dan dikenali sebagai Kumpulan Tujuh ialah Haji Hassan, pemangku mufti; Dr. Awang bin Hassan, jabatan perubatan; Kosai bin Haji Mohd. Salleh, pegawai perhutanan; Dato' Abdul Rahman, pegawai kewangan negeri; Sulaiman, pegawai pejabat halehwal awam; Safiah, guru; dan Ahmad bin Sulaiman, guru. Ketujuh-tujuh orang ini menurunkan tandatangan ke atas surat bertarikh 25 Februari 1946, yang beralamatkan Persatuan Melayu Johor, Johor Bahru; dan ditujukan kepada Ketua Pegawai Halehwal Awam, di Kuala Lumpur. Antara lain surat ini mempersoalkan keabsahan (*legality*) perjanjian yang ditandatangani oleh Sultan Johor membawa negeri Johor ke dalam Malayan Union.⁵² Seiring surat ini dikembarkan resolusi dan memorandum. Bantahan ini juga dikemukakan kepada Sultan Johor yang berada di Grosvenor Park Lane, London.⁵³

Pejabat Halehwal Awam Malaya mengutuskan resolusi dan memorandum yang dihantar oleh Persatuan Melayu Johor kepada Pejabat Kolonial London pada 4 Mac 1946. Antara lain dalam surat tersebut dinyatakan Resolusi yang dihantar itu adalah terjemahan daripada versi Melayu, tulisan Jawi. Risalah ini dicetak di Singapura, dan sudah diedarkan kepada orang Melayu Johor.⁵⁴ Dalam resolusi itu dinyatakan orang Melayu yang berkumpul di dewan, berhampiran masjid sebulat suara menentang dan mencabarkan keabsahan perjanjian yang ditandatangani Sultan Johor dengan Great British memasukkan Johor dalam Malayan Union. Dalam alasannya, dinyatakan Sultan Johor bertindak melanggar fasal 15 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor; tidak berunding dan mendapatkan nasihat daripada Majlis Menteri, serta mendapatkan kebenaran rakyat Johor; dan Sultan Johor melanggar prinsip demokrasi dan matlamat perang yang baru berjaya, menghidup fikiran demokrasi. Berlandaskan alasan tersebut, sebagai orang Melayu Johor mengambil keputusan, dan sebulat suara menolak Tengku Ibrahim ibni al-marhum Sultan Abu Bakar sebagai Pemerintah atau Sultan atau Peminpin.⁵⁵

Bantahan ini menimbulkan perbincangan hangat di Pejabat Kolonial. W.S. Morgan dalam minitnya mencatatkan jika tindakan Sultan Johor menurunkan tandatangan bercanggah dengan undang-undang Johor, ini akan menyemarakkan lagi tentangan terhadap Malayan

Union, dan penduduk Johor akan menolak Perjanjian, menentang Kesatuan, dan mengambil tindakan terhadap Sultan.⁵⁶ Fasal 15, Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor menegah Sultan Johor menyerah atau mengikat perjanjian dengan kuasa Eropah. Jika sekiranya Sultan Johor melakukan bermakna baginda disifatkan sebagai berdosa kerana baginda memecahkan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Tuhan ke atas baginda, dan seterusnya rakyat tidak diwajibkan meneruskan setia kepada baginda. Fasal 15, Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor menyebut:

Raja itu tiada sekali-sekali boleh menyerahkan atau berbuat sebarang perjanjian atau ikhtiar hendak menyerahkan akan negeri atau sesuatu bahagian daripada negeri dan kerajaan Johor itu kepada sebarang kerajaan atau kuasa bangsa Eropah atau sebarang lain kerajaan atau bangsa sama ada oleh kerana pada fikiran susah atau keberatan padanya menjadi Raja atau oleh kerana tiada suka dia memerintah atau oleh kerana hendak mendapat mengambil dan menerima sebarang bayaran atau petisyen daripada bangsa atau kerajaan lain dan demikian juga ada larangan dan tegahan ini terletak dan terhukum di atas segala dan tiap-tiap seseorang daripada waris dan kerabat raja.

Maka jikalau dilalui atau dicuba lalui larangan dan tegahan ini jika Raja sendiri disifatkanlah dia berdosa memecahkan amanat yang diletakkan Tuhan atasnya dan demikian tiada diwajibkan rakyat negeri melanjutkan setia lagi padanya dan jika kerbat diraja derhaka ia kepada Raja dan kerajaan dan demikian bolehlah dihukumkan dengan sebarang hukuman yang ditimbangkan patut.⁵⁷

Dato' Onn Jaafar tidak menyokong tindakan Persatuan Melayu Johor ini. Beliau menyifatkan kumpulan tujuh bertindak di luar sifat keMelayuan, dan tidak mewakili majoriti masyarakat negeri Johor.⁵⁸ Padahal yang jelas kumpulan tujuh bertindak berdasarkan fasal 15 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor.

Sementara itu pada 10 Februari 1946, Dato' Jaafar melalui Pergerakan Melayu Semenanjung Johor menganjurkan perhimpunan menentang Malayan Union di Batu Pahat, Johor. Kira-kira 15,000 orang berhimpun di Batu Pahat; mereka berarak mengelilingi bandar Batu Pahat, dan membawa sepanduk "Takkan Melayu Hilang di Dunia".⁵⁹ Melihat perkembangan ini, beberapa orang anggota Lembaga Melayu Johor dan Persatuan Melayu Johor meminta Dato' Onn menjalankan usaha menggabungkan perjuangan orang Melayu.

Dalam pada itu bantahan terhadap Malayan Union ini membawa kepada kongres Melayu di Kelab Sultan Sulaiman di Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 1-4 Mac 1946. Dalam kongres ini 41 pertubuhan Melayu menghantar wakil, dan sebulat suara menentang Malayan Union. Juga hasil utama kongres ini lahirnya pertubuhan Politik Melayu, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Pekembar) atau lebih dikenali sebagai UMNO (United Malays National Organization).

Sir George Maxwell yang mendapat mendapat resolusi dan berita tentangan terhadap Malayan Union ini, menggalakkan Dato' Onn Jaafar meneruskan perjuangan menentang Malayan Union. Dalam pada itu beliau juga menggalakkan Dato' Onn Jaafar menghubungi Menteri Besar Johor, Ungku Abdul Aziz untuk mendapat nasihat undang-undang daripada peguam di Singapura mengenai keabsahan Perjanjian 1945 yang bercanggah dengan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. Sir George Maxwell juga mengesyorkan Dato' Onn Jaafar

membawa kes Perjanjian 1945 di mahkamah London. Sir George Maxwell berpendapat, jika perjanjian dengan Johor ini tidak sah, bermakna semua perjanjian dengan negeri Melayu lain turut menjadi tidak sah.⁶⁰ Resolusi Persatuan Melayu Johor di bawah pimpinan Dato' Abdul Rahman bin Mohd. Yasin ini memberi kesan besar terhadap dasar kerajaan British terhadap pelaksanaan Malayan Union. Cabaran keabsahan Perjanjian 1945 oleh Persatuan Melayu Johor ini membawa kepada perbincangan dalam kalangan pegawai British di London; antaranya, Robert R.J. Turner, Sir George Maxwell, Lord Marchwood.⁶¹

Tentang Raja-raja Melayu terhadap Malayan Union dimaklumkan oleh Sir Edward Gent kepada Pejabat Kolonial. Dalam pertemuan tidak rasmi di antara Raja-raja Melayu dengan Edward Gent pada 31 Mac 1946, tidak lama setelah beliau tiba di Tanah Melayu; Raja-raja Melayu memaklumkan menolak Malayan Union, dan menerima Persekutuan. Pejabat Kolonial menjawab laporan Gent bertarikh 1 April 1946 itu, dengan menyatakan tidak ada ruang bagi Raja-raja Melayu menolak Perjanjian MacMicahael.⁶² Walaupun mendapat bantahan daripada Raja-raja Melayu dan orang Melayu, kerajaan British terus melaksanakan Malayan Union, dan Sir Edward Gent diisytiharkan sebagai Gabenor Malayan Union pada 1 April 1946. Dengan itu Gent mencadangkan Pejabat Kolonial mendapatkan sokongan daripada Sultan Johor. Gent yakin jika Sultan Johor menyokong, Raja-raja Melayu lain akan ikut memberi sokongan. Dengan itu Hall dari Pejabat Kolonial berbincang dengan Sultan Johor yang ketika berada di London, pada 12 April 1946. Beliau seterusnya melaporkan kepada Gent bahawa dia tidak berkeyakinan Sultan mempunyai cukup kekuatan untuk menentang arus penentangan Malayan Union, dan berkerjasama.⁶³ Dalam pada itu UMNO mencadangkan supaya Malayan Union digantikan dengan Persekutuan.⁶⁴

Pada 11 Mei 1946, UMNO dengan rasminya ditubuhkan di Istana Johor Bahru. Sebulat suara Dato' Onn Jaafar dilantik sebagai Yang di-Pertua UMNO yang pertama. Kini terdapat tiga pertubuhan politik utama di Tanah Melayu: Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan pada tahun 1930, dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) ditubuhkan pada Oktober 1945. PKM berjuang menubuhkan Republik Komunis Tanah Melayu; manakala perjuangan kemerdekaan dengan darah. Bantahan dan tuntutan Raja-raja Melayu, UMNO dan orang Melayu menyebabkan kerajaan British membentuk sebuah Jawatankuasa Kerja (*Working Committee*) untuk menggubal perlembagaan baru menggantikan Malayan Union. Jawatankuasa ini terdiri daripada Raja-raja Melayu, kerajaan British dan UMNO.

Dalam perbincangan yang berlangsung pada 20 November 1946, Dato' Onn mewakili UMNO tidak bersetuju dengan cadangan British memberi taraf kerakyatan kepada mereka yang mengakui taat setia kepada Persekutuan. Raja-raja Melayu dan juga Dato' Onn menyatakan taraf kerakyatan terbuka hanya berdasarkan kepada rakyat Raja-raja Melayu sahaja. Namun begitu dalam perbincangan tersebut persetujuan dicapai, taraf kerakyatan Persekutuan terbuka kepada rakyat asing, tetapi melalui syarat yang ketat; dan taraf kerakyatan *Jus Soli* hanya untuk orang Melayu sahaja. Hasil usaha Raja-raja Melayu, UMNO dan kerajaan British Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu diterima pada Disember 1946.

Perlembagaan Persekutuan yang disetujui Raja-raja Melayu, UMNO dan British dibincangkan dalam persidangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang berlangsung pada 29 Disember 1946 di Melaka. Dalam persidangan ini Yang Dipertua PKMM, Dr. Burhanuddin al-Helmi menyatakan penggubalan Perlembagaan Persekutuan tidak demokratik kerana jawatankuasa tersebut tidak mendapatkan pandangan daripada rakyat; dan tidak memerdekakan Tanah Melayu, tetapi hanya menerima pembentukan Persekutuan Tanah Melayu seperti mana bentuk Tanah Melayu sebelum ini. Dalam pada itu Perlembagaan Persekutuan ini

ditentang oleh *Council of Joint Action*, dianggotai bukan Melayu ditubuhkan di Singapura pada Oktober 1946. Majlis ini berkembang di Tanah Melayu, dan pada tahun 1947 ditukar nama sebagai menjadi *Pan Malayan Council of Joint Action*, dan seterusnya ditukar lagi sebagai *All Malayan Council of Joint Action*. Cemohan Dr. Burhanuddin al-Helmi ini dijawab oleh Dato' Onn dalam mesyuarat agong UMNO yang berlangsung di Alor Setar, Kedah pada 10 Januari 1947. Dalam jawapan tersebut, antara lain Dato' Onn menyatakan yang orang Melayu masih belum bersedia untuk menguruskan negara jika merdeka. Perlembagaan Persekutuan dibentangkan dalam persidangan UMNO di Alor Setar ini, dan Dato' Onn dalam ucapannya menggesa ahli mesyuarat menerima perlembagaan tersebut, jika tidak beliau akan meletakkan jawatan.

Persekutuan Tanah Melayu dan Merdeka

Pendokong penentangan terhadap Perlembagaan Persekutuan terus melancarkan gerakan mereka. Pada tahun 1947, Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) ditubuhkan oleh PKMM menentang Perlembagaan Persekutuan. PUTERA bersama *All Malayan Council of Joint Action* melancarkan hartal, mogok ekonomi di seluruh Tanah Melayu pada 19 Oktober 1947. Sementara itu mendesak kerajaan mempertimbangkan Perlembagaan Rakyat yang mereka cadangkan. Mogok ini tidak mencapai kejayaan. Usaha menubuhkan Persekutuan berjalan lancar. Pada 20 Januari 1948, perbincangan mengenai Perlembagaan Persekutuan di adakan di King's House, Kuala Lumpur yang dihadiri oleh Raja-raja Melayu, wakil UMNO, dan British. Dalam perbincang tersebut, persetujuan dicapai, dan berikutnya Perjanjian Persekutuan ditandatangani pada 21 Januari 1948 di antara Raja-raja Melayu dengan Kerajaan British.⁶⁵

Sir Gerard Edward Gent bagi pihak *His Majesty* dan Raja-raja Melayu, Sultan Ibrahim Johor, Sultan Abu Bakar Pahang, Yang di-Pertuan Besar Tuanku Abdul Rahman Negeri Sembilan, Sultan Hishamuddin Alam Shah Selangor, Sultan Abdul Aziz Almu'tasim Billah Shah Perak, Sultan Badlishah Kedah, Raja Syed Putra Perlis, Sultan Ibrahim Kelantan, dan Sultan Ismail Terengganu bagi pihak diri sendiri dan pengganti menurunkan tandatangan ke atas Perlembagaan Persekutuan pada 21 Januari 1948. Berkuatkuasa perjanjian ini, gabungan negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Pulau Pinang dan Melaka akan dikenali sebagai Federation of Malaya (atau dalam bahasa Melayu sebagai Persekutuan Tanah Melayu). Dalam Bahagian II (7) mencatatkan Pentadbir tertinggi dalam Persekutuan bergelar Pesuruhjaya Tinggi, dan perlantikannya dibuat melalui surat perlantikan yang ditandatangani dan cap *His Majesty*. Dalam pada itu Bahagian II (8) mencatatkan yang Raja-raja Melayu bersetuju menerima nasihat Pesuruhjaya Tinggi dalam semua perkara yang berkaitan kerajaan Persekutuan.⁶⁶ Di samping itu, antara tugas khas Pesuruhjaya Tinggi ialah melindungi hak negeri Melayu, dan hak, kuasa dan *dignity* Raja-raja Melayu, serta menjaga kedudukan khas orang Melayu, dan hak kepentingan masyarakat lain.⁶⁷

Dalam Perjanjian Persekutuan 1948 mencatatkan penubuhan Majlis Raja-Raja Negeri Melayu (atau dalam bahasa Inggeris sebagai Conference of Rulers). Anggota Majlis ini adalah Raja-raja Melayu. Jika baginda Raja-raja Melayu tidak sihat, baginda oleh diwakili oleh bakal Raja atau wakil yang diperkenankan oleh Raja.⁶⁸ Dalam pada itu setiap negeri Melayu perlu ditubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri (atau dalam bahasa Inggeris, Council of State). Majlis ini dianggotai oleh Menteri Besar sebagai Presiden, dan dianggotai oleh Penasihat British, Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-undang, Pegawai Kewangan Negeri, dan perkara lain yang tidak bercanggah dengan Undang-undang Tubuh negeri masing-masing.⁶⁹ Majlis juga diberi kuasa meluluskan sebarang undang-undang yang berkaitan dengan agama Islam dan adat

Melayu.⁷⁰

Selain menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian Persekutuan 1948, Raja-raja Melayu juga menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian dengan masing-masing negeri yang disebut, misal Perjanjian Perak 1948, Perjanjian Johor 1948 dan Perjanjian Terengganu 1948. Perjanjian yang ditandatangani Raja-raja Melayu ini semuanya bertarikh 21 Januari 1948, dan kandungannya sama. Manakala Sir Gerard Edward James Gent mewakili *His Majesty*. Perjanjian ini juga mencatatkan Federation adalah Federation of Malaya atau dalam bahasa Melayu Persekutuan Tanah Melayu. Perjanjian ini juga mencatatkan *His Majesty* mempunyai kuasa penuh mengawal pertahanan dan halehwal luar negeri Melayu, melindungi negeri Melayu daripada pencerobohan luar. Seiringan itu tentera *His Majesty* atau yang ditauliahkan oleh *His Majesty* bebas memasuki negeri Melayu untuk maksud tersebut. Raja-raja Melayu tidak boleh membuat perjanjian atau persetiaan, menghantar utusan politik, dan membuat hubungan politik dengan mana-mana negeri asing tanpa pengetahuan Kerajaan *His Majesty*. Selain itu Raja-raja Melayu bersetuju menerima dan menyediakan kediaman Penasihat British yang menasihati dalam semua perkara berkaitan kerajaan negeri, kecuali berkaitan agama Islam dan adat Melayu; dan menerima nasihat tersebut.⁷¹

Seterusnya pada 1 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan. Seperti mana Perlembagaan Malayan Union, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu juga memberi perhatian terhadap Raja-raja Melayu dan agama Islam. Persekutuan Tanah Melayu berdasarkan perjanjian yang ditandatangani oleh Raja Melayu dengan Raja Inggeris, Baginda King George VI. Wakil kerajaan Baginda King di Persekutuan Tanah Melayu bergelar Pesuruhjaya Tinggi mempunyai kuasa luas dalam pentadbiran. Beliau adalah pengerusi Majlis Perundangan Persekutuan; mempunyai kuasa menahan undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Persekutuan daripada menjadi undang-undang jika pada fikiran beliau wajar dan mustahak demi keamanan dan kepentingan orang ramai. Kuasa yang dimiliki itu menunjukkan Pesuruhjaya Tinggi berkuasa menjalankan pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu tanpa mematuhi keputusan dan kelulusan yang dibuat oleh Majlis Perundangan Persekutuan.⁷²

Dalam pada itu dalam Perjanjian Persekutuan, Raja-raja Melayu menyatakan kesediaan menerima nasihat daripada Pesuruhjaya Tinggi dalam pentadbiran negeri baginda. Selain itu Perjanjian Persekutuan juga memperuntukkan penubuhan Majlis Raja-Raja. Pesuruhjaya Tinggi mesti memaklumkan dasar kerajaan Persekutuan kepada Raja-raja Melayu untuk mendapatkan pendapat baginda. Manakala Majlis Raja-Raja berhak mengetahui segala dasar yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.⁷³

Di peringkat negeri, sebuah Majlis Perundangan Negeri dibentuk, dan hanya mempunyai kuasa meluluskan undang-undang mengenai agama Islam dan adat Melayu, serta perkara yang dibenarkan oleh Majlis Perundangan Persekutuan. Dalam itu setiap negeri Raja-raja Melayu mempunyai seorang Menteri Besar dan sebuah badan bernama Majlis Mesyuarat Negeri yang berperanan menasihati Raja dalam negeri masing-masing. Namun demikian Raja mempunyai kuasa dan hak meningkari nasihat tersebut jika difikirkan wajar. Selain itu Raja-raja Melayu bersetuju mengikut Undang-undang Tubuh dalam negeri masing-masing.⁷⁴ Perlu dinyatakan di sini, semua negeri dalam Persekutuan diarahkan menggubal Undang-undang Tubuh masing-masing, kecuali Johor dan Terengganu hanya mengubahsuai Undang-undang tubuh masing-masing dengan kehendak Perjanjian Persekutuan.

Perjuangan kemerdekaan diteruskan UMNO. Sementara itu pada tahun 1948, PKM, PKMM dan HUSBUL MUSLIMIN diharamkan. Dengan itu, mulai 1948 hanya berdiri teguh UMNO. Walaupun Malayan Indian Congress (MIC) telah wujud sejak tahun 1945, namun

begitu penglibatannya tidak menjurus kepada perjuangan politik Tanah Melayu. PKM yang diharamkan mengubah taktik dan strategi perjuangan, melancarkan pemberontakan bersenjata pada tahun 1948 dengan matlamat menubuhkan Republik Komunis Rakyat Malaya. Ancaman komunis ini menyebabkan Kerajaan Persekutuan mengisytiharkan darurat mulai tahun 1948. Persekutuan Tanah Melayu berterusan dalam darurat sehingga darurat ditamatkan pada tahun 1960.

Sementara Persekutuan Tanah Melayu berada dalam zaman darurat, gerakan berkerajaan sendiri diteruskan oleh UMNO. Namun begitu kerajaan British menetapkan dalam rundingan kemerdekaan hendaklah disertakan dengan wakil Raja-raja Melayu. Dalam pada itu kerajaan British juga menarik perhatian, Melayu, Cina dan India hendaklah menunjukkan berkerjasama dan bersatu sebelum taraf kemerdekaan diberikan. Tekanan yang dihadapi masyarakat Cina, seringkali dikait dan dilibatkan dengan kegiatan komunis, pada tahun 1949, pemimpin terkemuka orang Cina, antara Tan Cheng Lock menubuhkan Malayan Chinese Association (MCA). Tan Cheng Lock dipilih sebagai pemimpin MCA yang pertama. MCA diharapkan sebagai pilihan orang Cina daripada komunis; memberi bantuan kepada orang Cina, dan Kampung Baru, serta memberi jaminan keselamatan orang Cina, dan kerjasama orang Cina dengan kerajaan. MCA kemudiannya menjadi parti politik. Pada tahun 1951, pucuk pimpinan UMNO bertukar tangan. Dato' Onn meletakkan jawatan, seterusnya menubuhkan parti baru Independence of Malaya Party (IMP=Parti Kemerdekaan Malaya). Tunku Abdul Rahman mengambil alih teraju pimpinan UMNO, setelah dipilih dalam pemilihan yang berlangsung di Hotel Majesty, Kuala Lumpur. Tunku Abdul Rahman menyatakan bahawa perjuangan kemerdekaan yang akan dibawa oleh UMNO adalah mengikut Perlembagaan.

Dalam usaha ke arah kemerdekaan, kerajaan British memperkenalkan pilihan raya perbandaran pada tahun 1952. Dalam pilhan raya perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952, UMNO bergabung dengan MCA, dan berjada dalam pilihan raya tersebut, mengalahkan antaranya IMP. Mulai dari sini usaha gabungan diteruskan, yang akhirnya UMNO-MCA bergabung sebagai Parti Perikatan. Dalam pada itu berlaku perselisihan dalam kalangan golongan agama UMNO. Perselisihan ini menyebabkan mereka yang tidak dapat meneruskan perjuangan dalam UMNO keluar dan menubuhkan parti baru, Parti Islam Se Malaya (PAS). Berikutnya pada tahun 1954, MIC pula bergabung. Ketiga-tiga parti UMNO-MCA-MIC sebagai Parti Perikatan mencipta sejarah gemilang dalam Pilihanraya Persekutuan pertama pada tahun 1955. Parti Perikatan memenangi 51 kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Satu kerusi di Perak, dimenangi oleh PAS. Parti Perikatan membentuk kerajaan, dan Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama.

Kini tuntutan kemerdekaan bukan lagi daripada Raja-raja Melayu dan UMNO, tetapi Raja-raja Melayu dan Perikatan, parti pemerintahan. Rundingan ke arah kemerdekaan berjalan terus, Raja-raja Melayu tidak ketinggalan dalam rundingan ini. Apabila Tunku Abdul Rahman sebagai ketua Parti Perikatan menghantar memorandum kepada Setiausaha Tanah Jajahan Lennox Boyd pada 8 Ogos 1955 menuntut kemerdekaan dan perlantikan sebuah suruhanjaya bebas menggubal draf perlembagaan, Raja-raja Melayu berunding dengan pegawai British, dan bersetuju meminda Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Selain itu Raja-raja Melayu berharap rundingan kemerdekaan hendaklah juga melibatkan baginda. Memorandum ini diterima oleh Lennox Boyd pada 23 Ogos 1955.

Persetujuan dicapai di antara Raja-raja Melayu dengan wakil UMNO mengenai jumlah wakil masing-masing. Kedua-duanya bersetuju masing-masing diwakili oleh empat orang.

Dalam rundingan mengenai kemerdekaan pada November 1955, wakil Raja-raja Melayu: Dato' Panglima Bukit Gantang (Haji Abdul Wahab), Dato' Nik Ahmad Kamil, Dato' Mohd. Seth, dan Abdul Aziz bin Abdul Majid; wakil Perikatan: Dr. Ismail, Dato' Abdul Razak, H.S. Lee, dan V.T. Sambanthan. Manakala Setiausaha dalam rundingan ini ialah Abdul Kadir Shamsudin, dan T.H. Tan. Perbincangan berkisar di sekitar kewarganegaraan, kewangan, keselamatan, dan perkhidmatan awam. Dengan itu rombongan kemerdekaan berangkat ke London pada Januari 1956, diketuai Tunku Abdul Rahman, dan disertai juga oleh wakil Raja-raja Melayu. Rundingan berlangsung di London dari 18 Januari hingga 6 Februari 1956. Antara perkara pokok diputuskan; sebuah suruhajaya bebas akan dilantik untuk menggubal draf Perlembagaan, dan Persekutuan Tanah Melayu akan dimerdekakan pada Ogos 1957. Berikutnya satu perjanjian mengenai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani di antara wakil Raja-raja Melayu dan UMNO dengan kerajaan British. Seterusnya Tunku Abdul Rahman dan rombongan pulang ke tanah air, dan mengisytiharkan persetujuan kerajaan British memerdekakan Persekutuan Tanah Melayu di Padang Bandar Hilir, Melaka.

Kerajaan British melantik Suruhanjaya untuk menggubal draf perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Suruhanjaya ini diketuai oleh Lord Reid dan anggotanya, Sir Ivor Jennings, B. Malik (India – bekas Hakim Allahabad), Sir William McKell (Australia – bekas Gabenor Jeneral), dan Hakim Abdul Hamid (Pakistan). Suruhanjaya ini dikenali sebagai Suruhanjaya Reid.⁷⁵ Suruhanjaya ini diamanah memperakukan bentuk Perlembagaan Persekutuan yang tunggal untuk seluruh Negara yang memerintah sendiri dalam Komonwel dan diasaskan kepada demokrasi parlimen yang di dalamnya mempunyai dua dewan perundangan, dan mengambil kira kedudukan serta maruah Raja-raja Melayu sebagai Raja Berpelembagaan.

Walaupun Suruhanya ini mengambil perhatian mengenai Raja-raja Melayu dan agama Islam, tetapi tidak memasuki dalam Perlembagaan cadangan itu, Islam sebagai agama rasmi. Padahal memorandum Perikatan mengesyorkan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan. Antara yang tidak menyokong cadangan Perikatan ini ialah anggota Suruhanjaya Reid dari Pakistan, Hakim Abdul Hamid. Namun demikian Hakim Abdul Hamid mengubah pendirian, menyokong agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dengan alasan ia tidak membahayakan.⁷⁶

Laporan Reid ini kemukakan dan mendapat bantahan, cadangan daripada berbagai pihak. Antaranya UMNO, Raja-raja Melayu, PAS, Parti Rakyat. Kerajaan British menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kerja untuk meneliti cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Reid. Jawatankuasa ini terdiri daripada empat orang wakil Raja-raja Melayu, empat orang wakil Perikatan, Pesuruhjaya Tinggi, Setiausaha Persekutuan, dan Peguam Negara, sebagai wakil Kerajaan British. Jawatankuasa ini menjalankan tugasnya dan mengambil kira hasil perbincangan dengan Raja-raja Melayu, Perikatan dan Pejabat Tanah Jajahan. Hasil persetujuan ketiga-tiga pihak; Raja-raja Melayu, Perikatan, dan Kerajaan British lahirlah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka. Perjanjian kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani oleh Raja-raja Melayu dengan kerajaan British pada 8 Ogos 1957 di King's House, Kuala Lumpur.⁷⁷

Pada 31 Ogos 1957, dengan disaksikan oleh Raja-raja Melayu, dan wakil kerajaan British, Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, manakala Raja-raja Melayu kekal dengan bidang kuasa seperti tercatat dalam Perlembagaan Negeri masing-masing. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, perkara 32(1) Ketua Tertinggi Persekutuan bergelar Yang di-Pertuan Agong. Permaisuri

baginda, berdasarkan Perlembagaan Persekutuan perkara 32(2) bergelar Raja Permaisuri Agong.⁷⁸ Jawatan Yang di-Pertuan Agong akan dipilih lima tahun sekali oleh Majlis Raja-raja. Jawatan Yang di-Pertuan Agong pertama disandang oleh Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Abdul Rahman Ibnu Tuanku Muhammad. Kini pentadbiran Persekutuan bercorak Raja Berpelembagaan. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu menjalankan pentadbiran negara dan negeri di atas nasihat; Perdana Menteri bagi peringkat pusat dan Menteri Besar untuk negeri.

Perlembagaan Persekutuan 1957 menyatakan dengan jelas dalam Perkara 3(1) Islam adalah agama negara, tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai dalam Persekutuan. Dalam hal ini acara agama, seperti membaca doa dalam majlis rasmi seperti menyambut ulang tahun kemerdekaan, dan pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.⁷⁹ Dalam pada itu tidak terdapat dalam Perlembagaan ini yang menyatakan bahawa negara sebagai sebuah Negara Islam. Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 3(2) memperuntukan ketua agama dalam negeri yang beraja adalah Raja itu sendiri. Manakala negeri yang tidak berajaya, Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua agama. Namun begitu dalam hal yang disetujui oleh Majlis Raja-Raja supaya perlaksanaan meliputi Persekutuan, Raja-raja sebagai ketua agama tiap-tiap negeri akan memberi kebenaran kepada Yang di-Pertuan Agong mewakili baginda Raja-raja Melayu.

Satu perkara yang tidak kurang juga menarik dinyatakan di sini, walaupun Islam agama rasmi negara, tetapi tidak ada seorang pun dilantik sebagai Ketua Agama Islam Persekutuan.⁸⁰ Yang di-Pertuan Agong di samping sebagai ketua agama negeri tanpa raja, juga ketua agama negerinya sendiri. Dengan itu agama Islam adalah urusan masing-masing negeri, dan Persekutuan tidak mempunyai kuasa eksekutif di dalam negeri berkenaan. Di tiap-tiap negeri ditubuhkan sebuah badan, Majlis Agama Islam untuk menasihati Raja-raja Melayu dalam hal berkaitan dengan agama Islam. Begitu juga Pulau Pinang dan Melaka menubuhkan Majlis Agama bagi menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam hal berkaitan agama Islam di negeri masing-masing. Sementara itu dalam usaha menyelaraskan pentadbiran agama Islam Majlis Raja-Raja Melayu ditubuhkan pula Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam. Majlis ini ditugaskan menasihati dan memberi cadangan yang dirujuk oleh Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri, dan Majlis Agama; memberi nasihat, dengan tujuan penambahbaikan, penyelarasan pentadbiran agama Islam, dan menyelaras atau menggalakkan keseragaman dalam hukum syarak dalam perkara berkaitan hukum syarak, pentadbiran Islam, dan pendidikan Islam. Walaupun pun begitu Majlis ini tidak boleh menyentuh kedudukan, hak istimewa dan kedaulatan, serta kuasa Raja-raja Melayu dalam agama Islam dinegeri masing-masing.⁸¹

Dalam pada itu negeri juga boleh menubuhkan Mahkamah Syariah, dan bidang kuasanya terhadap orang Islam sahaja. Di samping itu perlu juga dinyatakan di sini bahawa undang-undang Islam adalah dalam bidang kuasa negeri.⁸² Manakala di negeri pula yang menjadi ketua agama ialah Raja.

Merdeka dan Raja Berpelembagaan

Kedaulatan Raja Melayu diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan 1957, dan 1963. Namun kedudukan Institusi Raja Melayu, khususnya Yang di-Pertuan Agong tercabar pada tahun 1983, dan berikutnya pada tahun 1993. Perkara ini seringkali dirujuk sebagai krisis atau konflik perlembagaan. Padahal apa yang berlaku adalah pengalaman dan cabaran Raja daripada Perdana Menteri dan kerajaan Malaysia, serta penyokong, antaranya UMNO dan Pertubuhan Bukan Kerajaan. Jika tahun 1983, gerakan menghadkan bidang kuasa perkenan

terhadap rang undang-undang yang diluluskan Parlimen dan Senat; tahun 1993 pula untuk meniadakan kekabalan yang dimiliki raja-raja Melayu. Walaupun terdapat yang tidak senang dengan gerakan yang dirujuk sebagai pindaan perlembagaan itu, tetapi yang disiarkan di dalam akhbar adalah sokongan.

Usaha dan gerakan menghadkan bidang kuasa dan kekebalan raja melalui gerakan pindaan perlembagaan ini adalah suatu pengalaman dan cabaran besar Institusi Raja Melayu selepas merdeka dan Malaysia, dan Raja Berpelembagaan. Gerakan meminda perlembagaan ini bermula dengan tindakan Yang di-Pertuan Agong Sultan Ahmad Shah tidak berkenan terhadap pindaan perlembagaan 1983. Fakta mencabar kedudukan Institusi Raja berlaku dalam bulan Julai dan Ogos 1983, apabila Dewan Rakyat (Parlimen) dan Dewan Negara meluluskan rang undang-undang pindaan perlembagaan fasal 66(5). Fasal 66(5) mencatatkan:

A Bill shall become law on being assented to by the Yang di-Pertuan Agong, but no law shall come into force until it has been published, without prejudice, however, to the power of Parliament to postpone the operation of any law or to make laws with retrospective effect.⁸³

Rang undang-undang pindaan yang tidak diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mula Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seperti berikut:

(5) A Bill shall become law on being assented to by the Yang di-Pertuan Agong. If any reason whatsoever the Bill is not assented to within fifteen days of the Bill being presented to the Yang di-Pertuan Agong, he shall be deemed to have assented to the Bill and the Bill shall accordingly become law.

(5A) No law shall come into force until it has been published, without prejudice, however, to the power of Parliament to postpone the operation of any law or to make laws with retrospective effect.⁸⁴

Walaupun disebut pindaan perlembagaan, tetapi hakikatnya kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai Institusi, selain Dewan Negara dan Rakyat tercabar dengan pindaan tersebut. Jika sebelumnya, kuasa perkenan Yang di-Pertuan Agong sebagai Institusi, wajib memperkenankan rang undang-undang yang disembah sebelum menjadi Undang-undang atau Akta, tetapi pindaan yang dikemukakan, mengekalkan rang undang-undang wajib disembah, tetapi jika dalam tempoh 15 hari tidak diperkenankan rang undang-undang itu menjadi undang-undang atau akta. Ternyata dan jelas kuasa perkenan Institusi Raja Melayu, melalui Yang di-Pertuan Agong dimansuhkan melalui perlembagaan.

Pindaan perlembagaan ini menarik perhatian bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman. Beliau mengharapkan Majlis Raja-Raja tidak melambatkan membuat keputusan terhadap Rang undang-undang pindaan perlembagaan. Namun begitu Tunku juga mengingatkan kerajaan supaya tidak terburu-buruewartakan terlebih dahulu pindaan tersebut.⁸⁵ Sementara itu pada 30 Oktober 1983, bahagian UMNO Sungai Petani mengadakan mesyuarat khas, dan membuat keputusan menggesa UMNO mengadakan mesyuarat agung khas untuk menyatakan pendirian terhadap pindaan perlembagaan.⁸⁶ Cadangan Tunku Abdul Rahman kepada Majlis Raja-Raja disokong oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Sri Syed Nahar Shahabuddin.⁸⁷ Sementara itu Pemuda UMNO yang bersidang khas pada Jumaat, 4 November 1983, memberi sokongan penuh kepada pindaan perlembagaan. Resolusi persidangan itu diberikan oleh Ketua Pemuda UMNO Anwar Ibrahim kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr.

Mahathir.⁸⁸ Sokongan penuh pindaan perlembagaan itu juga mendapat sokongan daripada Pergerakan Wanita UMNO.⁸⁹ Dalam pada itu Datuk Rahim Tamby Chik pula menyatakan rakyat Melaka berdiri teguh menyokong kerajaan pusat dalam isu pindaan perlembagaan.⁹⁰

Sementara itu Raja-raja Melayu senantiasanya mencari jalan untuk menyelesaikan isu pindaan perlembagaan. Dalam hal ini Sultan Selangor bertitah seperti berikut:

Penelitian secara terperinci harus dibuat dan beta menyokong pendapat Raja Perlis bahawa raja-raja Melayu senantiasanya berikhtiar dan berfikir bagi mencari jalan menyelesaikan isu pindaan perlembagaan dengan sempurna.⁹¹

Raja-raja Melayu berunding dengan perwakilan tinggi UMNO di istana Kayangan, Shah Alam pada Ahad, 20 November 1983. Surat khabar melaporkan akibat kegagalan dalam rundingan tersebut, kabinet yang bermesyuarat pada hari Rabu 23 November 1983, mengambil keputusan "memberikan mandat penuh kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk mengambil apa juga tindakan bagi menyelesaikan kebuntuan mengenai rang undang-undang pindaan perlembagaan".⁹²

Sehubungan penolakan perkenan tersebut, Perdana Menteri dan penyokong menjalankan kempen mendapatkan sokong terhadap apa yang dirujuk sebagai pindaan perlembagaan. Dr. Mahathir datang ke Kedah, dan disambut 50,000 ketika tiba di lapangan terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dengan pekikan, antaranya, "Hidup Mahathir! Hidup Mahathir! Hidup Mahathir!". Dalam perhimpunan tersebut, pada Sabtu, 26 November 1983, Dr. Mahathir menyatakan beliau rela meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri jika dikehendaki rakyat.⁹³ Sokongan yang sama ditunjukkan rakyat ketika menyambut Dr. Mahathir di Bagan Datoh pada Ahad, 27 November 1983.⁹⁴ Sementara itu dilaporkan juga kira-kira 500,000 kakitangan kerajaan menyokong Perdana Menteri dalam isu pindaan perlembagaan.⁹⁵ Ketika berkunjung di Seremban, pada Jumaat, 2 Disember 1983, dan disambut khalayak di sini, Dr. Mahathir menyatakan pindaan perlembagaan bukan untuk merebut kuasa.⁹⁶

Pindaan perlembagaan ini disembah Perdana Menteri Datuk Dr. Mahathir kepada Raja-raja Melayu dalam Majlis Raja-Raja yang bersidang di Kota Kinabalu pada 13 Oktober 1983 dimaklumkan oleh beliau di Parlimen yang bersidang pada 2 Disember 1983. Dalam ucapan itu Datuk Seri D. Mahathir menyatakan Raja-raja Melayu tidak memberi perkenan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memberi perkenan terhadap pindaan perlembagaan itu.⁹⁷ Namun begitu Raja-raja Melayu mengemukakan nota kepada Datuk Seri Dr. Mahathir supaya meneruskan rundingan pindaan perlembagaan untuk mencari penyelesaian.⁹⁸

Pada hari Selasa, 6 Disember 1983, Datuk Seri Dr. Mahathir menerima berita positif dalam usaha menyelesaikan isu pindaan perlembagaan.⁹⁹ Satu ketetapan dibuat, Raja-raja Melayu akan bertemu Datuk Seri Dr. Mahathir di Istana Bukit Kayangan.¹⁰⁰ Sementara itu Datuk Seri Dr. Mahathir meneruskan perjumpaan dengan rakyat. Dalam pertemuan di Batu Pahat, Johor, pada Khamis, 8 Disember 1983, kira-kira 100,000 datang. Kehadiran penduduk Johor berhimpun di Batu Pahat ini melambangkan mereka menyokong kerajaan dalam pendirian pindaan perlembagaan.¹⁰¹ Berbeza dengan *Utusan Malaysia*, melaporkan 200, 000 datang berhimpun di Padang Batu Pahat, Johor. Dalam ucapan itu Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan seperti berikut:

...saya bersyukur kerana rakyat telah memberikan semangat baru kepada saya seolah-olah saya baru muncul untuk menanggung beban.¹⁰²

Sementara Datuk Seri Dr. Mahathir bergerak menemui rakyat menyatakan perkara berkaitan pindaan perlembagaan, Raja-raja Melayu juga bertemu dan berbincangan tindakan yang untuk menyelesaikan soal pindaan perlembagaan itu. Pada 10 Disember 1983, kira-kira 20,000 datang menyambut ketibaan Datuk Seri Dr. Mahathir di Lapangan Terbang Kuching. Dalam ucapan di Kuching, Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan akan mendedahkan mereka yang menjadi petualang menghalang penyelesaian pindaan perlembagaan.¹⁰³ Sementara itu pada hari yang sama tiga orang Raja; Raja Perlis, Sultan Kedah dan Selangor datang ke Istana Tetamu pada Sabtu, 10 Disember 1983.¹⁰⁴ Berikutnya pada Ahad, 11 Disember 1983, Raja-raja Melayu bersidang di Istana Negara, dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Agong. Raja yang hadir: Raja Muda Perak, Pemangku Raja Pahang, Sultan Kelantan, Sultan Selangor, Raja Perlis, Sultan Kedah, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Sultan Johor. Majlis mesyuarat ini berlangsung di Dewan Menghadap, Istana Negara, dari jam 4.30 petang hingga 7.50 malam. Baginda mencapai keputusan akan menghantar keputusan mesyuarat kepada Datuk Seri Dr. Mahathir.¹⁰⁵ Sultan Terengganu tidak hadir kerana baginda berada di luar negeri; tetapi baginda telah bertemu Yang di-Pertuan Agong sebelum itu. Dalam pada itu, Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Perdagangan dan Industri sebagai wakil kerajaan; dan penasihat undang-undang Raja-raja Melayu, Raja Abdul Aziz Addruse turut hadir dalam mesyuarat tersebut.¹⁰⁶

Cadangan balas pindaan perlembagaan diserahkan oleh Raja Muda Perak, Raja Tun Azlan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir dalam pertemuan di Jabatan Perdana Menteri pada Selasa, 13 Disember 1983.¹⁰⁷ Cadangan balas Raja-raja Melayu ini dibawa dalam mesyuarat kabinet yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir di Pejabat Perdana Menteri pada Rabu, 13 Disember 1983.¹⁰⁸

Akhirnya rang undang-undang pindaan 1983 mendapat perkenan Tuanku Jaafar ibni Tuanku Abdul Rahman, pemangku Yang di-Pertuan Agong pada pukul 12.20 tengah hari, Khamis, 15 Disember 1983. Sehubungan itu Dr. Mahathir menyatakan perasaan leganya kerana isu pindaan perlembagaan telah selesai.¹⁰⁹

Rang-rang undang pindaan perlembagaan ini dibawa ke Parlimen pada Januari 1984, dan diluluskan. Seterusnya diwartakan dan diisytiharkan sebagai Perlembagaan (Pindaan) Akta 1984.¹¹⁰ Perlembagaan pindaan 1984 ini seperti berikut:

66(4) Yang di-Pertuan Agong hendaklah dalam masa tiga puluh hari selepas sesuatu Rang Undang-Undang dikemukakan kepada baginda memperkenalkan Rang Undang-Undang itu dengan menyebabkan Rang Undang-Undang itu dicapkan dengan Mohor Besar.

(4A) Jika sesuatu Rang Undang-Undang tidak diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam masa yang ditentukan dalam Fasal (4), Rang Undang-Undang itu hendaklah menjadi undang-undang apabila habis masa yang ditentukan dalam Fasal itu mengikut cara yang mana seolah-olah baginda telah memperkenankannya.¹¹¹

Dalam usaha mengurangkan bidang kuasa Institusi Raja Melayu, termaktub Perlembagaan (Pindaan) Akta 1984 itu, kerajaan berjaya. Walaupun kerajaan gagal menetapkan tempoh perkenan selama 15 hari, sebaliknya dalam pindaan 30 hari, tetapi kuasa Raja memperkenalkan Rang Undang-Undang menjadi Undang-Undang telah berjaya dimansuhkan. Rang Undang-Undang yang diserahkan untuk perkenan Yang di-Pertuan Agong, sama ada baginda berkenan atau sebaliknya, dalam tempoh 30 hari, Rang Undang-Undang tersebut

menjadi Undang-undang.

Satu perkara yang perlu ditegaskan di sini, pindaan perlembagaan itu tidak mengancam kedudukan Institusi Raja Melayu. Raja Berpelembagaan terus berkekalan dalam sistem demokrasi kerajaan Malaysia. Pada tahun 1992, Institusi Raja Melayu sekali lagi mendapat cabaran daripada kerajaan Malaysia. Kali ini pindaan perlembagaan untuk menghapuskan kekebalan Raja Melayu. Rentetan fakta sejarah mempersoalkan kekebalan raja ini bermula dengan peristiwa yang melibatkan Tunku Abdul Majid, putera Sultan Iskandar Johor, Douglas Gomez, jurulatih hoki Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru dan Sultan Iskandar Johor.

Apabila pemain hoki Maktab Abu Bakar disebut sebagai dipaksa menarik diri daripada menyertai pertandingan hoki anjuran Persekutuan Hoki Malaysia – Tropi Milo Sekolah-Sekolah (*Milo Champion School Trophy*), Douglas Gomez membuat kenyataan akan meletakkan semua jawatan yang disandang dalam Persatuan Hoki Johor. Juga beliau menyatakan, dan dirujuk sebagai berani,¹¹² seperti berikut:

I [Douglas Gomez] do not mind taking this stand even if it means putting my neck on the line. I know I will be victimised for my outburst but I am prepared to accept any consequences and will go all the way.¹¹³

Merujuk kenyataan Douglas Gomez tersebut tafsiran boleh dibuat, apakah kenyataan berani? Atau kenyataan mencabar? Atau juga kenyataan yang boleh ditafsir sebagai berani dan mencabar. Jika mencabar, siapa yang dicabar? Apa yang jelas rentetan fakta sejarah berkaitan adalah melibat perlawanan hoki yang melibatkan salah seorang pemainnya adalah Tunku Abdul Majid. Tunku Abdul Majid pula ialah putera Sultan Mahmud Johor. Dengan lain perkataan sangat jelas hal tersebut melibatkan paling tidak Kerabat Raja Johor.

Oleh sebab itu pada Isnin 30 November 1992, Douglas Gomez dipanggil menghadap Sultan Johor. Tidak ada maklumat jelas tentangnya, hanya pada hari yang sama, beliau meninggal nota di pejabat *New Straits Times*, Johor,¹¹⁴ dan dilaporkan notanya seperti berikut:

I, Douglas Gomez, hockey coach of Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru, wish to inform you that what has been reported in the Press over last few days is not true and the situation has been blown out proportions.¹¹⁵

Dalam perkembangan berikutnya, Douglas Gomez datang ke klinik swasta mendapatkan rawatan, dan diberi cuti sakit. Kemudiannya Douglas Gomez ke balai polis membuat aduan, dia diserang Sultan Johor ketika berada di istana. Dalam hal ini ada yang menyatakan bahawa Douglas Gomez membuat aduan polis itu berkemungkinan di atas galakan kerajaan.¹¹⁶

Peristiwa Douglas Gomez ini menjadi pendorong utama memulakan semula gerakan mencabar Institusi Raja Melayu yang mendapat kejayaan tidak sepenuhnya melalui Perlembagaan (Pindaan) Akta 1984 dahulu. Rancangan dan tindakan bermula. Parlimen pada 10 Disember 1992, sebulat suara menerima usul yang dibawa oleh Timbalan Perdana Menteri Malaya, Abdul Ghaffar Baba. Usul yang diterima itu adalah seperti berikut:

That the House which sits today feels extremely sad and views seriously the incident involving a Malaysian citizen, Douglas Gomes[z], who was injured at the Istana Johor on Nov. 1992 by Sultan of Johor.

That the House decides that the incident was an abuse of power which goes against the spirit of the Federal Constitution and

was contrary to the aspirations of the laws of the country which are based on the system of constitutional monarchy and parliamentary democracy.

That the House resolves that all necessary action be taken to ensure that similar incidents do not recur in the future.¹¹⁷

Tidak berapa hari selepas penerimaan usul tersebut, polis diarahkan mendakwa Tunku Abdul Majid memukul penjaga gol Perak, dan menyiasat tuduhan serangan terhadap Sultan Johor.¹¹⁸ Tuduhan terhadap Tunku Abdul Majid diselesaikan, penjaga gol Perak bersetuju dibayar terhadap kesalahan itu. Pada 26 Januari 1993, Tunku Abdul Majid membayar \$1,000.00 kepada penjaga gol Perak. Mahkamah menerima penyelesaian ini.¹¹⁹

Sehubungan penerimaan usul parlimen itu, mesyuarat tergepar Majlis Tertinggi UMNO diadakan. Mesyuarat ini memutuskan pindaan perlembagaan wajib dibuat. Syor ini dibawa dan diterima oleh mesyuarat tergepar Majlis Tertinggi Barisan Nasional yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia. Selepas mempengerusikan mesyuarat tergepar itu, Perdana Menteri membuat kenyataan, dalam sebulan parlimen akan dipanggil bersidang untuk membincangkan pindaan perlembagaan. Perkara pokok perbahasan pindaan perlembagaan ialah fasal 181 (2). Fasal ini menyatakan "Tiada apa-apa pembicaraan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja bagi sesuatu Negeri atas sifat peribadinya".

Draf Perlembagaan (Pindaan) Rang Undang-undang 1993, diluluskan oleh kabinet pada 6 Januari 1993. Seterusnya dibawa kepada Raja-raja Melayu dalam mesyuarat tidak resmi dengan Dr. Mahathir dan beberapa pemimpin UMNO yang berlangsung pada 9 Januari 1993. Raja-raja Melayu meminta tangguh seminggu untuk menyatakan pendirian baginda raja.¹²⁰ Sementara itu pada 10 Januari 1993, ketika berucap dalam majlis makan malam "Malam Seribu Kenangan" anjuran UMNO di Seremban, Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri menegaskan kerajaan tidak mempunyai motif politik dalam soal pindaan perlembagaan itu. Juga menyatakan kerajaan sayangkan institusi raja berpelembagaan.¹²¹

Pada 17 Januari 1993, rundingan tidak resmi sekali lagi diadakan di antara empat Raja Melayu dan dua regen (Sultan Johor, Sultan Kelantan dan Sultan Kedah tidak hadir) dengan perwakilan kerajaan yang diketuai Dr. Mahathir. Raja-raja Melayu mengemukakan beberapa cadangan balas, dan disetujui oleh pihak kerajaan.¹²²

Draf pindaan perlembagaan ini dibincangkan oleh Raja-raja Melayu dalam mesyuarat khas Majlis Raja-raja yang berlangsung pada 18 Januari 1993. Raja-raja Melayu membincang dan menimbang soal kedaulatan dan kuasa Raja-raja Melayu berkaitan draf pindaan perlembagaan itu. Mesyuarat ini mengambil keputusan sebulat suara seperti berikut:

[it was not] in position at this stage to give its consent to certain proposals in the original Bill and to the subsequent amendment thereto without further deliberation and consultation with the government... a more detailed study of the principles and the mechanisms involved in the proposed amendments incorporated in the Bill be made.¹²³

Sebagai tindakan susulan keputusan sebulat surat Majlis Raja-raja itu, kerajaan mengemukakan draf kedua pindaan perlembagaan yang menyatakan akan menubuhkan Mahkamah Khas untuk membicarakan semua kes awam yang melibatkan Yang di-Pertuan Agong atau Raja-raja Melayu. Draf kedua pindaan perlembagaan ini dijawab oleh Majlis Raja-Raja. Majlis berpendapat Mahkamah Khas tidak sesuai dan mencadangkan ditubuhkan Badan Penasihat

untuk memperakukan kepada badan negeri yang tepat untuk memecat Raja sebelum didakwa atau disaman. Sehubungan itu perbincangan lanjut wajar diambil untuk menentukan bentuk dan terperinci Badan Penasihat serta Badan Berkuasa Negeri.¹²⁴

Tanpa mengambil kira keputusan Majlis Raja-Raja, Dr. Mahathir membentangkan Perlembagaan (Pindaan) rang undang-undang 1993 dalam mesyuarat khas Dewan Rakyat pada 19 Januari 1993. Rang Undang-undang ini disokong memenuhi dua pertiga majoriti, dan diluluskan Dewan Negara pada keesokan harinya. Namun begitu persoalan yang timbul apakah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Raja Azlan Shah, yang menggantikan Sultan Iskandar Shah akan memperkenankan rang undang-undang ini? Dalam hal ini Dr. Mahathir dengan tegas dan jelas menjawab pertanyaan wartawan berkaitan dengan ini seperti berikut:

If the King refuses to give his assent, the Bill goes back to Parliament and once approved by both Houses will become law with or without the royal assent...If the process is disputed then a decision can be made by the courts. As a government which strongly upholds the rule of law, we will abide by the court's decision.¹²⁵

Yang di-Pertuan Agong mengembalikan semula Perlembagaan (Pindaan) rang undang-undang tersebut dengan pindaan yang diluluskan oleh Majlis Raja-Raja kepada Parlimen. Rang Undang-undang dengan penambahbaikan tersebut dibentangkan semula di Parlimen pada 9 Mac 1993, dan diluluskan. Dalam pembentangan tersebut, 167 menyokong daripada 180; enam wakil PAS berkecuali, dan seorang tidak hadir; enam wakil Semangat 46 tidak hadir ke sidang parlimen.¹²⁶

Pada 10 Mac 1993, Raja-raja Melayu dan diiringi oleh masing-masing Menteri Besar bersidang dalam Majlis Raja-Raja ke-159. Masing-masing menteri Menteri Besar menaruh harapan dalam mesyuarat itu Raja-raja Melayu akan memberi perkenan terhadap pindaan perlembagaan.¹²⁷ Raja-raja Melayu bersidang sekali lagi dalam mesyuarat khas Majlis Raja-Raja ke-161. Draf perlembagaan diserahkan kembali kepada kerajaan. Kemudiannya pada 16 Mac 1993, draf perlembagaan yang telah dikemaskini dihantar kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Raja Azlan mengambil masa enam hari, dan pada 22 Mac 1993 memberi perkenan terhadap pindaan perlembagaan tersebut.¹²⁸ Sehubungan perkenan Agong ini, Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan melahirkan kegembiraan dan menyatakan :Isu ini sebenarnya memberi pengajaran berguna kepada semua pihak termasuk raja". Datuk Seri Najib, selaku Ketua Pemuda UMNO pula menyatakan perkenan Agong itu "...mencerminkan kebijaksanaan serta kematangan baginda selaku seorang ketua negara". Sementara itu Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz menyatakan, "semua pihak perlu menerima perkenan itu dengan tenang dan masalah tidak puas hati mengenainya tidak berbangkit lagi".¹²⁹

Kejayaan Dr. Mahathir dan kerajaan ini menyebabkan kekebalan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu menjadi lemah atau dihadkan, berbanding sebelum pindaan perlembagaan. Dalam pindaan perlembagaan merujuk kekebalan Raja-raja Melayu ini, boleh dirujuk fasal 181 (2). Fasal ini menyebut seperti berikut:

Tiada apa-apa perbicaraan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja bagi sesuatu Negeri atas sifat peribadinya kecuali dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian 15.¹³⁰

Mahkamah Khas yang dirujuk "Bahagian 15, Prosiding Terhadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja, 182. Mahkamah Khas", dicatatkan seperti berikut:

182. Mahkamah Khas.

(1) Maka hendaklah ada suatu mahkamah yang hendaklah dikenali sebagai Mahkamah Khas dan hendaklah terdiri daripada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, yang hendaklah menjadi Pengerusi, Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi, dan dua orang lain yang memegang atau pernah memegang jawatan sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja.

(2) Apa-apa prosiding oleh atau terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri atas sifat peribadinya hendaklah dibawa dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah fasal (1).

(3) Mahkamah Khas hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk membincangkan segala kesalahan yang dilakukan di Persekutuan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri dan segala kes sivil oleh atau terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri walau di mana pun kuasa tindakan berbangkit.

(4) Mahkamah Khas hendaklah mempunyai bidang kuasa dan kuasa-kuasa yang sama seperti terletak hak pada mahkamah-mahkamah bawahan, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan melalui Perlembagaan ini atau mana-mana undang-undang persekutuan dan hendaklah mempunyai pejabat pendaftarannya di Kuala Lumpur.

(5) Sehingga Parlimen, melalui undang-undang, membuat peruntukan khas yang berlawanan berkenaan dengan prosedur (termasuk pendengaran prosiding secara tertutup) dalam kes-kes sivil atau jenayah dan undang-undang yang mengawalselia keterangan dan pembuktian dalam prosiding sivil dan jenayah, maka amalan dan prosedur yang terpakai dalam mana-mana prosiding dalam mana-mana mahkamah bawahan, mana-mana Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan hendaklah terpakai dalam mana-mana prosiding dalam Mahkamah Khas.

(6) Prosiding dalam Mahkamah Khas hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti anggota dan keputusannya adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar atau dipertikaikan dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan.

(7) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Ketua Hakim Negara, membuat apa-apa kaedah yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat untuk membuat peruntukan bagi penghapusan apa-apa kesulitan atau anomali jua pun dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam pelaksanaan apa-apa fungsi, perjalanan apa-apa kuasa, penunaian apa-apa kewajipan, atau pembuatan apa-apa pembuatan, di bawah mana-mana undang-undang bertulis, yang mungkin disebabkan oleh Perkara ini, dan bagi maksud itu kaedah-kaedah itu boleh membuat apa-apa pengubahsuaian, adaptasi, pengubahan, pertukaran atau pindaan jua

pun kepada mana-mana undang-undang bertulis.¹³¹

Jika dilihat daripada peruntukan Perlembagaan Persekutuan dalam Mahkamah Khas tersebut, Yang di-Pertuan Agong atau Raja-raja Negeri boleh dibawa ke Mahkamah Khas. Namun begitu untuk membawa Yang di-Pertuan Agong atau Raja-raja Negeri ke Mahkamah Khas ini dikawal dan dijaga oleh Fasal 183, Perlembagaan Persekutuan. Fasal 183 yang berjudul "Tiada Tindakan boleh dimulakan terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja kecuali dengan keizinan Peguam Negara Sendiri". Fasal ini mencatatkan:

Tiada tindakan, sivil atau jenayah, boleh dimulakan terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya atas sifat peribadinya kecuali dengan keizinan Peguam Negara sendiri.¹³²

Kejayaan membentuk Mahkamah Khas boleh dilihat sebagai kejayaan Dr.Mahathir dan kerajaan melemahkan atau menghadkan kekebalan Institusi Raja Melayu.

Gerakan menghadkan kekebalan raja akan dipanjangkan ke negeri beraja. Ghafar Baba menyatakan, " Dewan Undangan semua negeri yang mempunyai raja akan mengadakan sidang khas Mei ini untuk meminda perlembagaan negeri bagi memasukkan peruntukan menghapuskan imuniti mutlak raja negeri masing-masing".¹³³ Dalam pada itu Institusi Raja Melayu, khususnya Kelantan menghadapi cabaran takhta kerajaan. Isu berbangkit daripada kenyataan Tengku Ibrahim, putera Tengku Indera ingin menuntut takhta kerajaan Kelantan.¹³⁴ Institusi raja Kelantan juga menghadapi tunjuk rasa rakyat Kelantan menentang Raja terlibat dalam politik. Pada 10 April 1993, kira-kira 200 orang berkumpul di hadapan Ibu Pejabat UMNO Kota Bharu mendakwa mewakili 50 pertubuhan memprotes penglibatan Sultan dalam politik dan pentadbiran.¹³⁵ Mereka yang berdemonstrasi ini membawa sepanduk, antara lainya mencatatkan, " Kami mahu Sultan Kelantan jangan terlibat dalam politik: Kami rakyat yang menentukan raja: Jangan politikkan khutbah; Istana jangan campur politik; Raja dan politik membawa padah".¹³⁶

Institusi Raja Melayu terus menerima cabaran. Walaupun demikian pada 2015, institusi raja Johor mengalami peristiwa bersejarah. Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni al-marhum Sultan Iskandar dimahkotakan sebagai Sultan Johor dalam istiadat gilang gemilang. Juga dalam istiadat ini Sultan Ibrahim menganugerahkan kepada suri baginda Raja Zarith Sofiah Ibni Sultan Idris gelaran Permaisuri.¹³⁷ Dalam perkembangan lain, juga pada 2018, Darjah Kebesaran Kelantan, Darjah Kerabat Al-Yunusi (DK) yang dianugerahkan Sultan Ismail Petra kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad, dan darjah bergelar Dato' Paduka kepada Husam Musa dan Wan Abdul Rahim Wan Abdullah ditarik balik.¹³⁸ Selain itu, Sultan Ibrahim Johor dan Tunku Mahkota Johor (Tunku Ismail) perkenan mengampunkan Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan dalam pertemuan di Istana Pasir Pelangi, Johor Bahru pada Khamis 15 Mac 2018 yang mengaitkan Sultan, Tunku Mahkota dan istana dalam politik.¹³⁹ Tidak lama kemudian, pada Mei 2018, timbul kenyataan Majlis Raja-Raja tidak mengambil perhatian terhadap isu *I Malaysia Development Berhad*. Dengan itu Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad memberi maklum balas, Majlis Raja-Raja mengambil perhatian dan tindakan terhadap isu tersebut berlandaskan peranan dan bidang kuasa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan.¹⁴⁰

Tidak lama selepas isu Majlis Raja-Raja, sembilan wakil rakyat negeri Perlis dilaporkan akhbar *Berita Harian* tidak hadir dalam istiadat angkat sumpah menteri besar Perlis yang

berlangsung di Istana Arau, Perlis pada Khamis 24 Mei 2018.¹⁴¹ Kemudiannya institusi raja menghadapi isu pemberhentian dan perlantikan peguam negara. Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja menyatakan soal ini akan dibawa ke mesyuarat Majlis Raja-Raja di Istana Negara pada Selasa 4 Jun 2018.¹⁴² Persoalan Peguam Negara ini menarik perhatian pelbagai pihak. Pada halaman depan *Berita Harian*, Selasa, 5 Jun 2018 dicatatkan kenyataan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Dalam Negeri "Isu pengganti Tan Sri Mohamed Apandi Ali dapat diselesaikan dengan kebijaksanaan kerajaan dan Istana Negara mengikut peruntukan Perlembagaan Negara"; "UMNO dan PAS sependapat calon Peguam Negara mesti mempunyai sikap peduli raja, peduli Islam", "Pakar Perlembagaan menyifatkan isu ini pertembungan antara sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berpelembagaan. Ia mungkin boleh diistilahkan sebagai 'krisis'", dan seterusnya "Majlis Peguam Malaysia [Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia] menegaskan Agong mempunyai tanggungjawab mematuhi Perlembagaan Persekutuan dan bertindak atas nasihat Perdana Menteri". Selain Tommy Thomas ada juga pandangan wajar dipertimbangan dua calon untuk jawatan Peguam Negara, bekas Ketua Hakim Negara Tun Zaki Tun Azmi dan bekas Hakim Mahkamah Rayuan Tan Sri Idrus Harun.¹⁴³ Isu pelantikan Peguam Negara selesai, Yang di-Pertuan Agong memberi perkenan lantik Tommy Thomas sebagai Peguam Negara.¹⁴⁴

Dari segi lain yang tidak kurang pentingnya cabaran institusi beraja penghinaan terhadap institusi raja. Dalam hal ini, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah melahirkan rasa dukacita dalam kalangan tertentu "...secara terbuka menghina dan memperlekehkan institusi Raja dengan menghasut serta mempengaruhi rakyat untuk membenci Raja Melayu".¹⁴⁵ Titah Sultan Selangor ini menimbulkan pelbagai sokongan pertahankan institusi raja dan mengambil langkah membendung perbuatan dan memperlekehkan institusi raja secara terbuka.¹⁴⁶ Sehubungan itu Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail turut sama menggesa semua pihak menghormati institusi raja.¹⁴⁷

Sementara menghadapi cabaran, institusi raja merekodkan sejarah pertabalan Sultan Kedah pada Isnin 22 Oktober 2018. Dalam istiadat ini Sultan Sallehuddin Ibn Almarhum Sultan Badlishah ditabalkan sebagai Sultan Kedah ke-29, bergelar Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibn Almarhum Sultan Badlishah di Istana Anak Bukit, Alor Setar.¹⁴⁸ Di samping itu di Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah "...akan terus mempertahankan perkara asas yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, membabitkan kesucian agama Islam, keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera, bahasa kebangsaan serta fungsi dan kedudukan Raaja-Raja Melayu".¹⁴⁹

Pada penghujung 2018, Institusi Raja menghadapi isu Konvensyen Antarabangsa Mengenai Pembasmian Diskriminasi Kaum. Namun begitu isu ini tidak berlarutan apabila kerajaan pakatan harapan memberi jaminan tidak akan meratifikasikan konvensyen ini.¹⁵⁰

Kemudiannya institusi raja Johor maklum balas terhadap kenyataan Tunku Mahkota Johor mengenai status Pulau Kukup yang antara lain menyatakan "...Kerajaan Persekutuan tidak harus terbabit dalam perkara tanah negeri". Dalam hal ini "Tun Dr. Mahathir Mohamed menegaskan, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab terhadap segala yang berlaku di negara ini, termasuk dalam urusan kerajaan negeri".¹⁵¹ Sehubungan isu ini, Perdana Menteri menyatakan "...Tunku Mahkota Johor (TMJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim, tidak memahami konsep Persekutuan ekoran kritikan baginda terhadap Kerajaan Persekutuan".¹⁵² Kemudiannya Tun Dr. Mahathir datang ke Johor menghadap Sultan Johor. Sempena lawatan dan menghadap ini Tunku Mahkota Johor melahirkan ucapan terima kasih kepada Tun Dr, Mahathir, dan mengharapkan "...boleh bekerjasama dan menuju ke hadapan untuk kebaikan negara".¹⁵³

Pada 2019, berlaku isu penting dalam institusi beraja di Malaysia. Pada Januari 2019, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Muhammad V meletakkan jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong.¹⁵⁴ Kekosongan jawatan Yang di-Pertuan Agong menimbulkan pelbagai pandangan dan pendapat daripada khalayak yang berminat.¹⁵⁵ Dalam suasana persoalan Yang di-Pertuan ke-16, Sultan Ahmad Shah Pahang meletak jawatan kerana gering, dan Tengku Mahkota Abdullah diisytiharkan sebagai Sultan Pahang.¹⁵⁶ Dalam istiadat pertabalan dilangsungkan baginda ditabalkan sebagai Sultan Pahang, bergelar Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibnu Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.¹⁵⁷ Kemudiannya Majlis Raja-Raja memutuskan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16.¹⁵⁸ Seterusnya melafaz sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara pada Khamis 31 Januari 2019.¹⁵⁹

Kemudian isu yang tidak kurang hangat melibatkan institusi raja ialah Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa. Terdapat pandangan ratifikasi Statut Rom ini akan memberi kesan negatif kepada Raja Melayu.¹⁶⁰ Isu ini hangat dibincangkan, dan dilaporkan oleh media. Perbahasan menjadi reda apabila kerajaan mengisytihar tarik balik ratifikasi status rom.¹⁶¹ Namun begitu pelbagai pandangan mengenai Statut Rom ini disiarkan dalam akhbar, misalnya *Berita Harian*.¹⁶²

Kemudiannya timbul pula isu baru melibatkan institusi raja. Kali ini soal pelantikan Menteri Besar Johor, menggantikan Menteri Besar yang meletakkan jawatan. Dalam hal ini ada yang berpendapat pelantikan Menteri Besar Johor adalah budi bicara Sultan.¹⁶³ Polemik ini berakhir apabila menteri besar Johor dilantik dan diperkenankan Sultan.

Kesimpulan

Sepanjang melebihi 13 abad Institusi Raja Melayu menghadapi berbagai cabaran dan tantangan dari dalam dan luar, tetapi daulat Raja Melayu yang dipusakai turun temurun itu menjaga dan menjamin kedaulatan tanah Melayu, penjaga pertuanan Melayu sebaaaimana dipahat dan terpahat dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang Tubuh bagi negeri. Daulat Raja Melayu ini dipusakai sejak 13 abad yang lalu masih berdiri teguh dalam setiap Raja Melayu bertkhta, dan terus tegak berdiri di dalam tubuh Raja Melayu selagi Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri teguh berdiri di bumi Malaysia.

Nota Hujung

¹ W.G. Shellabear (dusahakan), *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd., 1985, hlm. 19.

² Ibid., hlm. 20.

³ Ibid.

⁴ Mengenai serangan ini, sila lihat L.Y. Andaya, "Raja Kechil and the Minangkabau conquest of Johor", *JMBRAS*, Vol. 45, Pt. 2, 1972. Muhammad Yusoff Hashim (diselenggarakan oleh), *Hikayat Siak: Dirawikan oleh Tengku Said*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 124-126.

⁵ Mengenai perlantikan ini sila lihat, B.W. Andaya, "The installation of the Sultan of Selangor in 1766", *JMBRAS*, Vol. 47, Pt. 1, 1974, hlm. 41-5. Khoo Kay Kim, "Raja Lumu/Sultan Sallehuddin: The Founding of the Selangor Dynasty", *JMBRAS*, Vol. 58, Pt.2, 1985, hlm. 1-13. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Adat Penggantian Dalam Kesultanan Selangor, 1766-1938", Adnan Haji Mohd. Nawang dan Mohd. Fadzil Othman (editor), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Muzium Alam Syah Selangor, 1992, hlm. 85. Ahmad Fauzi Mohd. Basri (penyelenggara), *Misa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), hlm. 132-133

⁶ B.W. Andaya, *Perak: The Abode of Grace*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979, hlm. 268. Raja Chulan, *Misa Melayu*, hlm. 186-188. Virginia Matheson (editor), *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 178.

⁷ R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 369. Khoo Kay Kim, *The Western Malay States, 1850-*

- 1873, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972, hlm. 14. Buyong Adil, *Sejarah Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 45-46.
- ⁸ Hussein bin Baba, Chatitan Atas Sejarah Negeri Perlis, salinan Arkib Negara, 1963, hlm. 2-3
- ⁹ Aruna Gopinath, *Pahang 1880-1930: A Political History*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1991, hlm. 71.
- ¹⁰ W. Linehan, *A History of Pahang*, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1973, hlm. 104. Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, hlm. 185. Jang Aisjah Muttalib, *Pemberontakan Pahang 1891-1895*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1972, hlm. 80.
- ¹¹ W.G. Shallebear (diusahakan), *Sejarah Melayu*, hlm. 202-205.
- ¹² Barbara Watson Andaya, *Perak: The Abode of Grace: A Study of an Eighteenth Century Malay State*, hlm. 45-46. R.O. Winstedt & R.J. Wilkinson, *A History of Perak*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1974, hlm. 28.
- ¹³ R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974, hlm. 60; 73-74.
- ¹⁴ Khoo Kay Kim, "Documents: The Pangkor Treaty in Malay", *Peninjau Sejarah*, Vol. 1, No. 1, June 1966, hlm. 55. Dalam versi lain, tetapi juga fasal keenam, dinyatakan Sultan hendaklah "menuntut" nasihat dan mengikut ajarannya dalam semua perkara kecuali agama Islam dan adat Melayu. (Khoo Kay Kim, "Documents: The Pangkor Treaty in Malay", hlm. 59.
- ¹⁵ Rolland Braddell (diMelayukan oleh Muhammad Zain bin Haji Ayub), *Taraf Negeri-Negeri Melayu "Pada Sisi Undang-Undang"*, (Jawi) Singapura: Matba'atul Ahmadiah, 1935, hlm. 78-79.
- ¹⁶ Treaty of Federation, 1895, Jagjit Singh Sidhu, *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980, hlm. 193.
- ¹⁷ Jagjit Singh Sidhu, *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*, hlm. 78.
- ¹⁸ Rolland Braddell (diMelayukan oleh Muhammad Zain bin Haji Ayub), *Taraf Negeri-Negeri Melayu "Pada Sisi Undang-Undang"*, hlm. 84.
- ¹⁹ "Agreement for the Constitution of a Federal Council, 1909", Jagjit Singh Sidhu, *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*, hlm. 196.
- ²⁰ Rolland Braddell (diMelayukan oleh Muhammad Zain bin Haji Ayub), *Taraf Negeri-Negeri Melayu "Pada Sisi Undang-Undang"*, hlm. 37.
- ²¹ Rolland Braddell (diMelayukan oleh Muhammad Zain bin Haji Ayub), *Taraf Negeri-Negeri Melayu "Pada Sisi Undang-Undang"*, hlm. 84-85.
- ²² "Agreement for the Constitution of a Federal Council, 1909", Jagjit Singh Sidhu, *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*, hlm. 197.
- ²³ Mengenai kertas ini, sila lihat Rolland Braddell (diMelayukan oleh Muhammad Zain bin Haji Ayub), *Taraf Negeri-Negeri Melayu "Pada Sisi Undang-Undang"*, hlm. 93-110.
- ²⁴ Rolland Braddell (diMelayukan oleh Muhammad Zain bin Haji Ayub), *Taraf Negeri-Negeri Melayu "Pada Sisi Undang-Undang"*, hlm. 93.
- ²⁵ Untuk melihat Perjanjian sepenuhnya, sila lihat Rolland Braddell (diMelayukan oleh Muhammad Zain bin Haji Ayub), *Taraf Negeri-Negeri Melayu "Pada Sisi Undang-Undang"*, hlm. 86-92.
- ²⁶ Rolland Braddell (diMelayukan oleh Muhammad Zain bin Haji Ayub), *Taraf Negeri-Negeri Melayu "Pada Sisi Undang-Undang"*, hlm. 91.
- ²⁷ Rolland Braddell (diMelayukan oleh Muhammad Zain bin Haji Ayub), *Taraf Negeri-Negeri Melayu "Pada Sisi Undang-Undang"*, hlm. 91.
- ²⁸ Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, London: Allen & Unwin, 1998, hlm. 67.
- ²⁹ Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai Di Terengganu 1942-1945*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996, hlm. 49.
- ³⁰ Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, hlm. 68.
- ³¹ SUK. Tr. 97/1361, surat tauliah kepada Sheikh Hasan bin Said al-Yamani, Pejabat Sultan Terengganu, 22 Rajab 1361 (4 Ogos 2602)
- ³² Abu Talib Ahmad, *The Malay Muslims, Islam and the Rising Sun: 1941-45*, MBRAS Monograph No. 34, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 2003, hlm. 209.
- ³³ Abu Talib Ahmad, *The Malay Muslims, Islam and the Rising Sun: 1941-45*, hlm. 212-213. Paul H. Kratoska,

The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945, hlm. 110.

³⁴ Abu Talib Ahmad, *The Malay Muslims, Islam and the Rising Sun: 1941-45*, hlm. 217.

³⁵ Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, hlm. 111.

³⁶ Abu Talib Ahmad, *The Malay Muslims, Islam and the Rising Sun: 1941-45*, hlm. 225-227.

³⁷ SUK. Tr. 78/1362, "Kenyataan Military High Commissioner Tentera Darat Thai Perkara Me[ng]hadkan Kekuasaan Pemerintahan dan Tanggungan Rakyat-Rakyat Negeri", Military High Commissioner, 19 Tulakum sanat 2486.

³⁸ Simon C. Smith, *British Relations with the Malay Rulers From Decentralization to Malayan Independence 1930-1957*, Singapore: Oxford University Press, 1995, hlm. 46.

³⁹ DO 118/297, Malay States Agreement of 1945.

⁴⁰ H.P. Lee, *Constitutional Conflict in Contemporary Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995, hlm. 5.

⁴¹ T 220/54, Formation of Malayan Union and Singapore Colony, *The Times*, 23 January 1946.

⁴² T 220/54, Formation of Malayan Union and Singapore Colony, MALAYAN UNION AND SINGAPORE Statement of Policy on Future Constitution, January 1946, hlm. 3.

⁴³ T 220/54, Formation of Malayan Union and Singapore Colony, MALAYAN UNION AND SINGAPORE Statement of Policy on Future Constitution, hlm. 4.

⁴⁴ T 220/54, Formation of Malayan Union and Singapore Colony, "MALAYAN UNION AND SINGAPORE Summary of Proposed Constitutional Arrangements", March 1946, hlm. 5; Statutory Rules and Orders 1946 No. 463 FOREIGN JURISDICTION The Malayan Union Order in Council, 1946. At the Court at Buckingham Palace, the 27th day of Mach, 1946, hlm. 13: 21.

⁴⁵ Ramlah Adan, "Dr. Hamzah Hj Taib (1900-1956)", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bilangan 19, 1991, hlm. 11.

⁴⁶ Shaharom Hussain, *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Jaafar*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1985, hlm. 154; Ramlah Adam, "Pergolakan Politik di Johor 1946-1948", *JEBAT*, Bil. 19, 1991, hlm. 86; Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar*, Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn. Bhd., 1987, hlm. 15; Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, 74-75; Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Johor Sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO", hlm. 26.

⁴⁷ Shaharom Husain, *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Jaafar*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1985, hlm. 142-143. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Johor Sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO", Abu Bakar Hamid, Abdullah Zakaria Ghazali, Ramlah Adam, et al (editor), *UMNO JOHOR: Memartabatkan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Yayasan Warisan Johor dan Berita Publishing Sdn. Bhd., 1996, hlm. 28.

⁴⁸ Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Johor Sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO", hlm. 29.

⁴⁹ SPSAH, 60/E/16, U.M.N.O. Apa Erti-nya (Dari Mana dan Bagaimana Jadinya).

⁵⁰ Anwar Abdullah, *Dato' Onn*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1971, hlm. 120-121. Shaharom Hussain, *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Jaafar*, hlm. 152-155. Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan*, hlm. 84.

⁵¹ SPSAH, 60/E/17, Apa itu UMNO.

⁵² CO 537/1540, Negotiations with Sir H. MacMichael Agreement with Sultan of Johore, surat Dato' A. Rahman b. Mohd. Yasin, Tuan Haji Hassan b. Haji Mohd. Yunos, Doctor Awang b. Hassan, Inche Kosai b. Haji Mohd. Salleh, Inche Suleiman b. A. Rahman, Inche Ahmad bin Suleiman, dan Inche Safiah binte Suleiman kepada The Chief Civil Affairs Officer, Headquarters, British Military Administration (Malaya), Kuala Lumpur, 25 Februari 1946. Risalah Menentang Malayan Union oleh Kumpulan Tujuh (Jawi). Shaharom Hussain, *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Jaafar*, hlm. 143-144.

⁵³ Sir George Maxwell's Papers, telegram Melayu Johor Bahru kepada Sultan Ibrahim, Grosvenor Park Lane, London, tanpa tarikh.

⁵⁴ CO 537/1540, Negotiations with Sir H. MacMichael Agreement with Sultan of Johore, Surat A.T. Newboul kepada Pejabat Kolonial London, 4 Mac 1946.

⁵⁵ CO 537/1540, Negotiations with Sir H. MacMichael Agreement with Sultan of Johore, Surat A.T. Newboul kepada Pejabat Kolonial London, 4 Mac 1946, terlampir surat yang ditandatangani Dato' A. Rahman bin Mohd.

Yasin, Tuan Haji Hassan bin Haji Mohd. Yunos, Doctor Awang b. Hassan, Inche Kosai b. Haji Mohd. Salleh, Inche Suleiman b. A. Rahman, Inche Ahmad b. Suleiman, Inche Safiah binte Suleiman kepada The Chief Civil Affairs Officer, Headquarters, British Military Administration (Malaya), Kuala Lumpur, 25 Februari 1946, terlampir Resolution.

⁵⁶ CO 537/1540, Negotiations with Sir H. MacMichael Agreement with Sultan of Johore, minit W.S. Morgan, 14.2.1946.

⁵⁷ Undang-Undang Tubuh Krajaan, Johore Serta Tambahan-tambahan-nya, hlm. 9-10.

⁵⁸ Ramlah Adam, "Dr. Hamzah Hj. Taib (1900-1956)", hlm. 11-12.

⁵⁹ Ramlah Adam, "Pergolakan Politik di Johor 1946-1948", hlm. 87; *Dato' Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan*, hlm. 76.

⁶⁰ Sir George Maxwell's Papers, draf telegram Sir George Maxwell kepada Dato' Onn, Batu Pahat, 8 Mac 1946.

⁶¹ Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Johor sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO", hlm. 38.

⁶² Albert Lau, *The Malayan Union Controversy 1946-1948*, Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. 151.

⁶³ Albert Lau, *The Malayan Union Controversy 1946-1948*, hlm. 153.

⁶⁴ Albert Lau, *The Malayan Union Controversy 1946-1948*, hlm. 188.

⁶⁵ Mengenai tentangan terhadap Malayan Union dan pengisytiharan Persekutuan Tanah Melayu, sila lihat Ramlah Adam, "Perjuangan UMNO Menentang Malayan Union dan Menuntut Kemerdekaan 1946-1957", Abu Bakar Hamid, Abdullah Zakaria bin Ghazali, Ramlah Adam et-al, *UMNO Johor 50 Tahun: Memaertabatkan Bangsa Melayu*, 43-58.

⁶⁶ DO 118/298, Federation of Malaya Agreement, 1948, Part II, The High Commissioner, hlm. 7.

⁶⁷ DO 118/298, Federation of Malaya Agreement, 1948, Part III, Federal Executive Authority. The High Commissioner, 19 (1) (a) the protection of the rights of any Malay States or any Settlements and of the rights, powers and dignity of Their Highnesses the Rulers;... 19 (1) (d) the safeguarding of the special position of the Malays and of the legitimate interests of other communities;... hlm. 10.

⁶⁸ DO 118/298, Federation of Malaya Agreement, 1948, Part VI, perkara 67 dan 68, hlm. 27.

⁶⁹ DO 118/298, Federation of Malaya Agreement, 1948, Majlis Meshuarat Negri or Council of State, 97(1) dan 97 (2), hlm. 34.

⁷⁰ 100 (1) Subject to the provision of this Agreement, it shall be lawful in each Malay State for the Council of State to pass laws on (a) any subject, including the Muslim religion or the Custom of the Malays, other than those in respect to which the Legislative Council has power, under the Clause 48 of this Agreement, to pass laws;... hlm. 35. Klausu 48, Subject to the provision of this Agreement, it shall be lawful for the High Commissioner and Their Highnesses the Rulers, with the advice and consent of the Legislative Council, to make laws for the peace, order and good government of the Federation with respect to the matters set out in the Second Schedule to this Agreement and subject to any qualifications therein. DO 118/298, Federation of Malaya Agreement, 1948, Part V. Legislation and Procedure in Legislative Council, hlm. 22.

⁷¹ DO 118/298, The Johore Agreement 1948; The Perak Agreement 1948; The Selangor Agreement 1948; The Perlis Agreement 1948; The Kedah Agreement 1948; The Negri Sembilan Agreement 1948; The Pahang Agreement 1948; The Trengganu Agreement 1948; The Kelantan Agreement 1948.

⁷² Mohd. Salleh Abas, *Sejarah Perlembagaan Malaysia*, (cetakan kedua) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hlm. 27.

⁷³ Mohd. Salleh Abas, *Sejarah Perlembagaan Malaysia*, hlm. 28.

⁷⁴ Mohd. Salleh Abas, *Sejarah Perlembagaan Malaysia*, hlm. 28. Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor dizahirkan pada tahun 1895; manakala Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu dizahirkan pada tahun 1911.

⁷⁵ Joseph M. Fernando, *The Making of the Malayan Constitution*, MBRAS Monograph No. 31, 2002, hlm. 104-106.

⁷⁶ Joseph M. Fernando, *The Making of the Malayan Constitution*, MBRAS Monograph No. 31, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 2002, hlm. 129.

⁷⁷ Ramlah Adam, "Perjuangan UMNO Menentang Malayan Union dan Menuntut Kemerdekaan 1946-1957", hlm. 87.

- ⁷⁸ *Laws of Malaysia – Federal Constitution*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 2002, hlm. 35.
- ⁷⁹ Muhammad Kamil Awang, *Sultan & Perlembagaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001, hlm. 177.
- ⁸⁰ *Ibid.*, hlm. 177.
- ⁸¹ *Ibid.*, hlm. 179.
- ⁸² *Ibid.*, hlm. 181.
- ⁸³ H.P.Lee, *Constitutional Conflict in Contemporary Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995, hlm. 23.
- ⁸⁴ *Ibid.*, hlm. 24.
- ⁸⁵ “Nasihat Tunku Pada Raja-Raja”, *Utusan Malaysia*, Sabtu 19 Oktober 1983, hlm. 1.
- ⁸⁶ “Gesa panggil sidang agung khas UMNO”, *Utusan Malaysia*, Selasa 1 November 1983.
- ⁸⁷ “Raja-raja patut segerakan tandatangani pindaan – MB Kedah sokong syor Tunku”, *Utusan Malaysia*, Khamis 3 November 1983, hlm. 1.
- ⁸⁸ “Constitution Amendment Bill – UMNO Youth gives full support”, *New Straits Times*, Sabtu 5 November 1983, hlm. 1. “Perwakilan dari 114 bahagian meluluskannya sebulat suara dalam perhimpunan agung khas – Pemuda Sokong Pindaan”, *Utusan Malaysia*, Sabtu 5 November 1983, hlm. 1.
- ⁸⁹ “Constitution (Amendment) Bill geta more support – Wanita Umno says ‘aye’, too”, *New Sunday Times*, Ahad 6 November 1983, hlm. 1.
- ⁹⁰ “Pindaan: Rakyat Melaka berdiri teguh di belakang Kerajaan Pusat – Rahim”, *Utusan Malaysia*, Isnin, 7 November 1983, hlm. 1.
- ⁹¹ “Raja2 sedang usaha selesaikan isu pindaan – Sultan Selangor”, *Utusan Malaysia*, Sabtu, 12 November 1983, hlm. 1.
- ⁹² “Untuk mengambil apa juga tindakan selesaikan kebuntuan pindaan perlembagaan – Mandat Penuh Kabinet Pada Dr. Mahathir”, *Utusan Malaysia*, Sabtu, 26 November 1983, hlm. 1.
- ⁹³ “Perhimpunan bukti sokongan rakyat – PM tidak akan letak jawatan”, *Berita Minggu*, Ahad, 27 November 1983, hlm. 1. “I have no right to step down unless the rakyat want me to do so”, *New Sunday Times*, Ahad, 27 November 1983, hlm. 1. “Mahathir Nafi Letak Jawatan”, *Mingguan Malaysia*, Ahad, 27 November 1983, hlm. 1.
- ⁹⁴ “No desire to do away with constitution monarchy – Amendments to correct defects: PM”, *New Straits Times*, Isnin, 28 November 1983, hlm. 1. “UMNO berpegang kuat pada sistem raja berpelembagaan – Mahathir kecam suara2 sumbang”, *Utusan Malaysia*, Isnin, 28 November 1983, hlm. 1.
- ⁹⁵ “500,000 kakitangan kerajaan sokong Perdana Menteri”, *Utusan Malaysia*, Selasa, 29 November 1983, hlm. 1.
- ⁹⁶ “Pindaan bukan untuk merebut kuasa – PM”, *Utusan Malaysia*, Sabtu, 3 Disember 1983, hlm. 1. “Amendments to protect the rights of the people – Mahathir: I don’t want more power”, *New Straits Times*, Sabtu, 3 Disember 1983, hlm. 1.
- ⁹⁷ “Buntu: Mahathir Jelaskan”, *Utusan Malaysia*, Sabtu, 3 Disember 1983, hlm. 1.
- ⁹⁸ “Minta rundingan diteruskan untuk cari penyelesaian – Mahathir terima nota raja-raja”, *Utusan Malaysia*, Isnin, 5 Disember 1983, hlm. 1. “Adib confident of settlement – Rulers send note to Mahathir”, *New Straits Times*, Isnin, 5 Disember 1983.
- ⁹⁹ “Diterima secara tak rasmi dari pihak ketiga – Keputusan raja-raja memberangsang – PM”, *Utusan Malaysia*, Rabu, 7 Disember 1983, hlm. 1. “Verbal message delivered through a third party – Positive signs from Rulers”, *New Straits Times*, Rabu, 7 Disember 1983, hlm. 1.
- ¹⁰⁰ “Yang di-Pertuan Agong dijangka berangkat hadir – Pertemuan raja2 – PM hujung minggu ini”, *Utusan Malaysia*, Khamis, 8 Disember 1983, hlm. 1.
- ¹⁰¹ “Dr M to 100,000 – Issue has united the people”, *New Straits Times*, Jumaat, 9 Disember 1983, hlm. 1.
- ¹⁰² “PM sedia temui raja-raja sekali”, *Utusan Malaysia*, Jumaat, 9 Disember 2013, hlm. 1.
- ¹⁰³ “Jika usaha kerajaan dalam isu pindaan tidak berjaya – PM Akan Dedah Petualang2”, *Mingguan Malaysia*, Ahad, 11 Disember 1983, hlm. 1.
- ¹⁰⁴ “Hanya tiga Raja Melayu kelihatan di Istana Tetamu”, *Mingguan Malaysia*, Ahad, 11 Disember 1983, hlm. 1.
- ¹⁰⁵ “Mesyuarat bincang bagi atasi kesulitan isu pindaan perlembagaan – Keputusan raja2 pada PM esok”, *Utusan*

- Malaysai*, Isnin, 12 Disember 1983, hlm. 1. "To be forwarded to PM tomorrow – Rulers decide on their proposals", *New Straits Times*, Isnin, 12 Disember 1983, hlm. 1.
- ¹⁰⁶ "PM to get proposals", *The Star*, Isnin, 12 Disember 1983, hlm. 1.
- ¹⁰⁷ "Constitution (Amendments) Bill Solution in sight", *New Strait Times*, Rabu, 14 Disember 1983, hlm. 1. "Pertemuan Mahathir – Raja Azlan berlangsung dalam suasana mesra – Cadangan raja-raja ke Kabinet", *Utusan Malaysia*, rabu, 14 Disember 1983, hlm. 1.
- ¹⁰⁸ "Pindaan: Raja2 akan bertemu sekali lagi – Tidak ada tanda2 positif", *Utusan Malaysia*, Khamis, 15 Disember 1983, hlm. 1.
- ¹⁰⁹ "Deputy King gives assent to Constitution (Amendment) Bill – It;s Signed", *New Straits Times*, Jumaat, 16 Disember 1983, hlm. 1. "Sidang Khas Parlimen dipanggil bulan depan – Pindaan perlembagaan ditandatangani", *Utusan Malaysia*, Jumaat, 16 Disember 1983, hlm. 1. "Kerajaan tak kecewa tarik balik dua cadangan pindaan – Saya Lega Kata Dr. Mahathir", *Utusan Malaysia*, Sabtu 17 Disember 1983, hlm. 1. "Two amendments are our proposal: Dr M – PM expresses satisfaction", *New Straits Times*, Sabt, 17 Disember 1983, hlm. 1.
- ¹¹⁰ H.P.Lee, *Constitutional Conflict in Contemporary Malaysia*, hlm. 32.
- ¹¹¹ *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga 20hb Januari 2012), Petaling Jaya: International Law Book Services, 2012, hlm. 40-41.
- ¹¹² H.P.Lee, *Constitutional Conflict in Contemporary Malaysia*, hlm. 87.
- ¹¹³ *New Sunday Times*, 29 November 1992, hlm. 2, "Hockey Coach Takes a Swipe at JHA". H.P.Lee, *Constitutional Conflict in Contemporary Malaysia*, hlm. 87.
- ¹¹⁴ H.P.Lee, *Constitutional Conflict in Contemporary Malaysia*, hlm. 87.
- ¹¹⁵ *Ibid.*
- ¹¹⁶ "Subsequently, Gomez possibly moved by encouragement from the government, lodged a police report alleging that the Sultan of Johor had assaulted him at the palace". H.P.Lee, *Constitutional Conflict in Contemporary Malaysia*, hlm. 87.
- ¹¹⁷ H.P.Lee, *Constitutional Conflict in Contemporary Malaysia*, hlm. 86.
- ¹¹⁸ *Ibid.*, hlm. 87.
- ¹¹⁹ *Ibid.*, nota hujung, 4., hlm. 97
- ¹²⁰ *Ibid.*, hlm. 89.
- ¹²¹ "Isu hapus imuniti raja-raja Tak Bermotif politik", *Utusan Malaysia*, Isnin 11 Januari 1993, hlm. 1.
- ¹²² H.P.Lee, *Constitutional Conflict in Contemporary Malaysia*, hlm. 89.
- ¹²³ *New Straits Time*, 19 Januari 1993, hlm, 2, "Decision of the Special Meeting of the Conference of Rulers on Jan. 18, '93". H.P.Lee, *Constitutional Conflict in Contemporary Malaysia*, hlm. 89.
- ¹²⁴ H.P.Lee, *Constitutional Conflict in Contemporary Malaysia*, hlm. 89.
- ¹²⁵ *New Straits Time*, 19 Januari 1993, hlm. 1, "Change to Take Its Course". H.P.Lee, *Constitutional Conflict in Contemporary Malaysia*, hlm. 90.
- ¹²⁶ H.P.Lee, *Constitutional Conflict in Contemporary Malaysia*, hlm. 91; 97, no.13.
- ¹²⁷ "Pindaan: Harapan tinggi semua MB Raja beri Perkenan", *Utusan Malaysia*, hlm. 1 dan 2.
- ¹²⁸ "Agong Setuju", *Berita Harian*, Rabu 24 Mac 1993.
- ¹²⁹ "Anwar gembira isu pindaan selesai", *Berita Harian*, Rabu 24 Mac 1993.
- ¹³⁰ *Perlembagaan Persekutuan Hingga 20hb Januari 2013*, Petaling Jaya: International Law Book Services, 2012, hlm. 128.
- ¹³¹ *Perlembagaan Persekutuan Hingga 20hb Januari 2013*, hlm. 129.
- ¹³² *Ibid.*
- ¹³³ "Negeri akan hapus imuniti raja Melayu", *Utusasn Malaysia*, Rabu 21 April 1993, hlm. 1.
- ¹³⁴ "Yahya Petra janji serah takhta", *Utusan Melayu*, Isnin 12 April 1993, hlm. 1. Akhbar ini melaporkan "Khamis lalu, Tengku Ibrahim Petra mengeluarkan kenyataan bahawa masanya telah tiba bagi beliau menuntut haknya sebagai sultan". Perkara ini dilaporkan juga oleh *New Straits Times*, Jumaat 9 April 1993.
- ¹³⁵ "200 in demo against Ruler", *Sunday Star*, 11 April 1993, hlm. 1. *Mingguan Malaysia*, Ahad 11 April 1993, hlm. 1, mencatat "Beribu-ribu rakyat Kelantan tetap berhimpun di sini pagi ini bagi menyatakan bantahan mereka terhadap campur tangan baginda Sultan dalam politik".
- ¹³⁶ "Rakyat Kelantan berhimpun bantah sultan", *Mingguan Malaysia*, Ahad 11 April 1993, hlm. 1. Lihat juga

- ”Kelantan Ruler told: Become a politician or stay out of it - Memo sent to Sultan”, *New Sundaya Times*, Ahad 11 April 1993, hlm. 1.
- ¹³⁷ *Berita Harian*, Selasa 24 Mac 2018, hlm. 3.
- ¹³⁸ *Berita Harian*, Isnin 12 Februari 2018, hlm. 8.
- ¹³⁹ *Berita Harian*, Jumaat 16 Mac 2018.
- ¹⁴⁰ *Berita Harian*, Rabu 23 Mei 2018.
- ¹⁴¹ *Berita Harian*, Jumaat 25 Mei 2018, hlm. 6-7.
- ¹⁴² *Berita Harian*, Isnin 4 Jun 2018, hlm. 3.
- ¹⁴³ *Berita Harian*, Selasa 5 Jun 2018, hlm. 1, 9.
- ¹⁴⁴ *Berita Harian*, Rabu 6 Jun 2018, hlm. 2, 11.
- ¹⁴⁵ *Berita Harian*, Sabtu 9 Jun 2018, hlm. 8.
- ¹⁴⁶ *Mingguan Malaysia*, Ahad 10 Jun 2018, hlm. 1, 4.
- ¹⁴⁷ *Berita Harian*, Ahad 10 Jun 2018, hlm. 4.
- ¹⁴⁸ *Berita Harian*, Selasa 23 Oktober 2018, hlm. 4-5.
- ¹⁴⁹ *Berita Harian*, Rabu 14 November 2018, hlm. 8.
- ¹⁵⁰ *Berita Harian*, Sabtu 14 November 2018, hlm. 1 dan 2.
- ¹⁵¹ *Berita Harian*, Selasa 11 Disember 2018, hlm. 7.
- ¹⁵² *Berita Harian*, Sabtu 5 Januari 2019, hlm. 6.
- ¹⁵³ *Mingguan Malaysia*, Ahad 13 Januari 2019, hlm. 4.
- ¹⁵⁴ Perkara ini disentuh dalam *Berita Harian*, Isnin 7 Januari 2019, hlm. 1,2,3,4.
- ¹⁵⁵ Tentang hal ini boleh rujuk *Berita Harian*, Selasa 8 Januari 2019, hlm. 1, 2, 10, 11, ms3.
- ¹⁵⁶ *Mingguan Malaysia*, Ahad 13 Januari 2019, hlm. 1,2. *Berita Harian*, Ahad 13 Januari 2019, hlm. 1,2,3,4.
- ¹⁵⁷ *Berita Harian*, Rabu 16 Januari 2019, hlm. 1, 12.
- ¹⁵⁸ *Berita Harian*, Jumaat 25 Januari 2019, hlm. 1, 2.
- ¹⁵⁹ *Berita Harian*, Jumaat 1 Januari 2019, hlm. 1, 2.
- ¹⁶⁰ *Mingguan Malaysia*, Ahad 7 April 2019, hlm. 8,9.
- ¹⁶¹ *Berita Harian*, Sabtu 6 April 2019, hlm. 1, 2.
- ¹⁶² Boleh rujuk, *Berita Harian*, 7 April 2019, hlm. 4; *Berita Harian*, Selasa 9 April 2019.
- ¹⁶³ *Berita Harian*, Sabtu 13 April 2019, hlm. 10. Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, “Lantikan MB Johor budi bicara Sultan”.